

## WARTA KE 15

Dengan nama Allah yang Maha Suci,

{وإن من شيء إلا يسبح بحمده}

“Dan tiada sesuatu benda pun melainkan bertasbih memujiNya”

Saudaraku yang budiman !

### Soalan Anda Yang Pertama :

Sebagaimana maklum bahawa golongan muda dari kalangan sahabat adalah lebih tinggi kedudukannya berbanding wali yang agung, tetapi kenapa para sahabat tidak boleh membongkar orang yang melakukan kerosakan dalam masyarakat menerusi pengamatan kekuasaan kewalian mereka itu, hingga menyebabkan syahidnya tiga khulafa' al-Rashiddin ?.

Jawapannya terkandung dalam dua kedudukan :

### Kedudukan Pertama

Ianya menerangkan rahsia yang tersembunyi di sebalik kekuasaan kewalian dan dengannya boleh menyelesaikan pokok persoalan, iaitu :

Kekuasaan kewalian sahabat r.a adalah “kekuasaan kewalian yang terbesar” kerana sumber dan dasarnya adalah warisan kekuasaan kenabian, dan methodnya ialah pelaksanaan/pembongkaran daripada zahir kepada hakikat secara langsung, tanpa mengharungi jalan perantaraan. Dengan ini, ia adalah kekuasaan yang menjurus kepada membongkar keakraban ketuhanan yang lebih dekat (*al-aqrabiyyah al-ilahiyyah*). Walaupun cara kekuasaan ini terlalu pendek tetapi mempunyai kedudukan yang tinggi sekali. Sungguhpun keajaiban dan keramatnya jarang dilihat tetapi kelebihanannya sangat luar biasa sekali, sedangkan keramat para wali biasanya berlaku tanpa kehendak mereka kerana ia muncul secara tidak disedari, hanyalah suatu kurniaan daripada Allah SWT kepada mereka. Tambahan pula kebanyakan keramat ini muncul kepada mereka sewaktu proses perjalanan hati dan disiplin rohani menuju Allah dengan mengenyepikan ingatan selain Allah dan ketika mengharungi jalan perantaraan menuju kepada Allah. Ketika mereka menyendiri kepada Allah - untuk tempoh tertentu - tanpa mengharap balasan tertentu daripada habuan kemanusiaan, lalu mereka memperolehi keadaan luar biasa itu.

Sebaliknya, para sahabat -ridwanullah alaihim ajmain- mereka tidak perlu merentasi rangkaian perjalanan rohani yang lama dalam rangka mencapai hakikat kebenaran. Ini kerana kedudukan mereka yang mulia lantaran pembalikan cahaya persahabatan kenabian, maka dengan rahsia ini, mereka berkeupayaan untuk menyelinap masuk kepada hakikat kebenaran dengan hanya satu langkah sahaja. Sebagai contohnya, terdapat dua cara dalam memperolehi kembali “lailatul qadar” yang telah berlalu pada malam semalam :

Pertamanya, ialah dengan mengharungi hari demi hari sehingga cukup setahun untuk memperolehi malam itu semula untuk kali kedua. Oleh itu seseorang terpaksa melalui perjalanan peribadatan kerohanian dan batin dengan memakan masa selama setahun penuh melalui “keakraban ketuhanan” ini. Cara ini adalah yang diamalkan oleh para ahli sufi.

Keduanya ialah dengan melepaskan dan menanggalkan jiwa daripada kerongsong tubuh badan yang terbatas dengan waktu dan kemudiannya meninggikan martabat dengan bertajarud (mengasingkan diri daripada belunggu kehidupan biasa), seterusnya melihat “Lalaitul Qadar” yang berlalu semalam secara serentak dengan malam hari raya keesokkan harinya seolah-olah kedua-duanya datang pada hari ini. Ini kerana roh atau jiwa tidak terbatas dengan masa. Apabila emosi insan meningkat ke tahap ketenangan rohani maka waktu mendatang akan bertambah luas. Dengan ini, waktu-waktu berlalu dan mendatang bagi insan lain adalah semuanya bagaikan mendatang dinisbahkan kepadanya.

Berdasarkan perbandingan ini, bagi mendapatkan “Lailatul Qadar” yang telah berlalu semalam adalah dengan meningkatkan martabat diri ke peringkat rohani dan melihat yang berlalu itu seolah-olah akan datang. Asas kepada rahsia yang sukar ini ialah dengan membongkar keakraban ketuhanan yang lebih dekat (*al-aqrabiyyah al-ilahiyyah*). Sebagai contoh, matahari adalah dekat dengan kita kerana cahaya, bahang dan bentuknya digambar pada cermin yang berada di tangan kita, sedangkan kita jauh daripadanya. Sekiranya kita rasakan kedekatannya melalui sinaran pancarannya, kita akan ketahui hubungan kita dengan

bentuknya yang digambarkan oleh cermin, kita ketahuinya melalui perantaran itu, lalu kita sentuh cahaya, bahang dan gerak gerinya, maka kedekatannya terserlah kepada kita hinggalah kita rasakan telah membentuk perhubungan dengannya melalui penkennen dan keakraban. Sebaliknya sekiranya kita ingin mendekati dan mengenalinya secara terus dalam keadaan kejauhan kita dengannya, nescaya kita terpaksa melalui proses perjalanan minda dan fikiran dengan begitu sukar sekali bagi menjejaknya kerana terpaksa menjejaknya dengan minda secara berdampingan dengan prinsip-prinsip alam hingga ke langit, kita terpaksa melonjak ke langit dalam fikiran kita hinggalah kita boleh membayangkan bahawa di sana matahari memancarkan ruang alam ini. Kita juga mesti bergantung harap kepada pemahaman yang mendalam mengenai prinsip ilmu sains dan perinciannya untuk mengetahui kandungan matahari yang terdiri daripada cahaya, bahang kepanasan dan tujuh warnanya. Hanyalah selepas melalui proses inilah baru kita memperolehi kedudukan kedekatan yang sebenar dengannya, seperti yang diperolehi oleh pihak pertama yang hanya mendapatkannya melalui pengamatan sedikit pada cermin.

Berdasarkan contoh perbandingan ini, diketahui bahawa kekuasaan kenabian dan kewalian yang diwarisi daripadanya, kedua-duanya menghalu ke arah membongkar keakraban ketuhanan yang lebih dekat (*al-aqrabiyyah al-ilahiyyah*). Sementara sifat kewalian yang lain, kebanyakannya hanya berjalan atas asas keakraban ketuhanan (*al-qaribiyyah al-ilahiyyah*) sahaja, justeru terpaksa melalui proses perjalan rohani dalam beberapa peringkat sebelum mencapai kedudukan yang diinginkan.

### **Kedudukan Kedua**

Mereka yang berada di sebalik tabir kejadian fitnah bukan hanya terdiri daripada sebilangan kecil orang Yahudi, hinggalah kita boleh mengenalpasti mereka dan seterusnya menghentikan kefasadan dan fitnah itu dengan hanya membongkar sebahagian mereka itu. Ini kerana dengan kemasukan kaum-kaum yang banyak dan bermacam-macam ke dalam negara Islam, telah membawa kepada percampuran arus pemahaman yang bertentangan dan tidak bersesuaian dengan akidah Islam. Terutamanya mereka yang sangat berpegang dengan semangat perkauman yang menebal telah mendapat pukulan hebat daripada Saidina Umar al-Khatib, lalu mereka memendam perasaan dendam dan sentiasa menunggu peluang untuk membalasnya terhadap khalifah yang telah membinasakan agama mereka yang dahulu, dan menghancurkan kekuasaan dan kerajaan yang menjadi kebanggaan mereka. Oleh sebab itu, mereka sentiasa memendam perasaan untuk membalas dendam sama ada dari segi mental atau fizikal terhadap khalifah Islam. Lantaran ini, dikatakan orang-orang munafiq, pemutar belit yang pintar sama seperti orang Yahudi adalah pencetus kedudukan kucar kacir dalam masyarakat. Ini bermakna, membentras fitnah adalah dengan menjurus kepada memperbaiki masyarakat, di samping membendung kekalutan aliran pemikiran dan bukan hanya sekadar membongkar sebilangan kecil mereka yang melakukan kerosakan.

### **Jika dikatakan :**

Saidina Umar (RA) telah menyeru dari atas membar salah seorang panglima angkatan tenteranya yang berada jauh daripadanya hinggalah memakan masa selama sebulan perjalanan hanya dengan seruannya, "Wahai Sariya ! bukit, bukit !",<sup>1</sup> maka seruan dan arahan daripada beliau itu telah menjadi salah satu punca kemenangan dalam peperangan itu. Kejadian yang mashyur ini menggambarkan terlaksananya pengamatan hatinya yang tajam. Soalnya, kenapa beliau (RA) tidak melihat melalui pengamatan hatinya yang tajam itu pembunuhnya, Firuz yang berada dekat dengannya.?

### **Jawapannya :**

Kita jawab soalan ini dengan sebagaimana yang dijawab oleh Nabi Yaakub Alaih Salam ketika beliau ditanya : Bagaimana kamu mengenali bau baju Nabi Yusuf yang berada di negeri Mesir, sedangkan kamu tidak dapat mengenalpastikannya semasa beliau berada di dalam lubang yang dekat semasa berada di

---

<sup>1</sup>Hadith Sahih : diriwayatkan oleh Ahmad dalam bab *Fadail al-Sahabah* dengan sanad yang baik, NO. 355 ; al-Tabari dalam "*al-Tarikh*", jil. 2, hlm. 380 ; Abu Nuim dalam "*al-Dalail*", jil. 3, hlm. 210,211 ; al-Baihaqi dalam "*al-Dalail*" ; al-Lalkaie dalam "*Sharh al-Sunnah*" ; al-Zain `Aquli dalam "*Fawaid*" ; Ibn al-`Arabi dalam "*Karamat al-Auliya*" ; Ibn Mardawaih dan Abu Bakr Ibn Khalad dalam "*al-Fawaid*" ; Ibn `Asakir, jil. 7,6,1 & 13,63,2. Hadith ini diriwayatkan dalam berbagai bentuk. Ibn Kathir berkata dalam "*al-Nihayah*", jil. 7, hlm. 131 ; "Sanad-sanad ini sangat baik". Al-Hafiz dalam "*al-Isabah*" jil. 2, hlm. 3, mengatakan bahawa sanadnya baik. Begitu juga kata-kata Ibn Hajar al-Haithami dalam "*al-Sawa`iq al-Muhariqah*" hlm. 101. Lihat juga "*al-Maqasid*", No. 1331 ; "*al-Durar*", No. 462 ; "*al-Tamyiz*", hlm. 194 ; "*al-Kashf al-Khafa*", jil. 2, hlm. 380 dan lihat hadith-hadith sahih, No. 1110. (Penterjemah asal).

Kana`an ? Baginda telah menjawab dengan katanya : Kedudukan kita (para nabi-nabi) sama seperti kilat yang menyambar, kadang kala muncul dan kadang kala tidak. Oleh itu, kami kadang kala seperti orang yang duduk di atas tempat yang paling tinggi, dapat melihat semua yang ada di sekeliling dan ada ketikanya pula kami tidak nampak tapak kaki kami sendiri.

### **Kesimpulannya :**

Sekalipun manusia mampu melakukan sesuatu dengan pilihan tersendiri tetapi kehendak Allah SWT adalah tunggal utama. Ketetapan Tuhan adalah penentu dan kehendak Tuhan mengatasi kehendak manusia berdasarkan Firman Allah yang berbunyi:

{وما تشاؤون إلا أن يشاء الله} (الانسان: 30)

Maksudnya :

“Apa sahaja yang kamu inginkan melainkan ianya hendaklah mengikut kehendak Allah SWT”

Dengan ini, apabila ketetapan Allah telah tiba, kekuasaan manusia mesti akur. Begitu juga dengan pilihan hati.

### **Kandungan Soalan Kedua Anda ialah :**

Apakah kedudukan sebenar peperangan-peperangan yang dialami oleh orang-orang muslimin pada zaman Saidina Ali (RA) ?. Apakah kedudukan mereka yang mengambil bahagian dan yang meninggal serta dibunuh di dalam kejadian itu?

### **Jawapan :**

Peperangan “*jama*l” yang berlaku di antara Saidina Ali (RA) dan kumpulannya dari satu pihak, dan di antara Talhah, al-Zubair dan `Aieshah (RA) dari satu pihak yang lain, adalah pergelutan di antara keadilan sebenar (mutlak) dengan keadilan sandaran/relatif (nisbi). Penerangannya adalah seperti berikut :

Saidina (RA) telah menjadikan keadilan mutlak sebagai asas kepada siasahnya dalam mentadbirkan kemudi pengadilan hukuman. Beliau telah menerajui berlandaskan prinsip itu sejajar dengan ijtihadnya dan cara perjalanan yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar dan Umar (RA) sebelumnya. Sebaliknya para penentangannya berpendapat ; bahawa kemurnian hati dan jiwa pada zaman dua khilifah terdahulu adalah bersesuaian dan memberi ruang untuk menyebarkan kekuasaan keadilan mutlak terhadap masyarakat, tetapi memandangkan dengan kemasukan pelbagai kaum yang berbeza budaya dan pemahaman, dan ditambah dengan kelemahan mereka mengenai Islam lantaran berlalunya masa telah menyukarkan pelaksanaan keadilan mutlak itu. Oleh sebab itu mereka berjihad berasaskan kepada keadilan nisbi yang juga merupakan pemilihan paling ringan di antara dua perkara buruk.

Namun demikian, pertikaian mengenai dua jenis ijtihad ini akhirnya telah membawa ke dalam kancah pergolakan politik hinggalah telah mencetus peperangan di antara dua pihak. Oleh kerana setiap kumpulan, melalui ijtihadnya telah menjurus kepada niat yang tulus untuk mencari keredaan Allah SWT dan demi kemaslahatan agama Islam, dan peperangan pun dicituskan berdasarkan ijtihad ini, maka bolehlah kita katakan ; mereka yang membunuh dan terbunuh semuanya diberikan pahala dan tergolong dari kalangan ahli syurga, meskipun kita tahu bahawa ijtihad Imam Ali (RA) adalah yang benar dan ijtihad pihak yang menentangnya tersasar dari kebenaran. Mereka yang menjadi penentang tidak dihukum pada hari akhirat kerana seseorang mujtahid jika ijtihadnya menepati kebenaran akan mendapat dua pahala dan jika tersasar masih mendapat satu pahala, atau dengan kata lain masih memperolehi ganjaran terhadap usahanya dalam berjihad, yang merupakan salah satu cabang ibadah, maka dimaafkan jika tersilap. Seorang cendekiawan dari kalangan ulamak kita dan kata-katanya dijadikan hujjah telah mengarang sebuah syier dalam bahasa Kurdish : “Janganlah kamu terpikaikan apa yang berlaku di antara para sahabat yang mulia, kerana yang membunuh dan yang gugur kedua-duanya dimasukkan ke dalam syurga.”

Perbezaan di antara keadilan mutlak dan sandaran/relatif bolehlah dihuraikan seperti berikut :

Hak seorang individu yang tidak bersalah tidak boleh digugurkan demi kepentingan seluruh manusia, atau dengan kata lain haknya masih terpelihara. Inilah maksud yang dinyatakan oleh ayat al-Quran yang bermaksud :

{من قتل نفسا بغير نفس أو فساد في الأرض فكأنما قتل الناس جميعا}  
(المائدة: 32)

“Sesiapa yang membunuh seorang manusia bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain atau bukan kerana melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah beliau membunuh semua manusia.”

Dengan ini, tidak dikorbankan seorang individu tertentu demi untuk menjaga keselamatan semua kerana dalam perspektif kerahmatan Allah, sesuatu hak itu adalah hak, maka tidak dilihat sama ada hak itu kepunyaan yang kecil atau yang besar. Oleh sebab itu tidak dikorbankan yang kecil demi untuk kepentingan yang besar. Kehidupan dan hak seseorang individu tidak boleh dikorbankan demi keselamatan dan penjagaan sesuatu kumpulan, melainkan dengan persetujuan individu tersebut. Sebaliknya, jika dengan kerelaan dan keinginan daripadanya dianggap sebagai pengorbanan dan ianya adalah suatu persoalan lain.

Kedudukan keadilan nisbi pula berbeza, di mana sesuatu jujuk tertentu dikorbankan demi keselamatan keseluruhan, maka hak seseorang individu tidak dipertimbangkan demi kedudukan kumpulan ramai. Sebaliknya keadilan nisbi cuba ditegakkan dengan salah satu jenisnya iaitu pemilihan yang paling ringan keburukannya. Namun demikian, sekiranya keadilan mutlak masih boleh diaplikasikan, maka keadilan nisbi tidak boleh dijalankan. Dalam konteks ini, Imam Ali (RA) berpendapat bahawa keadilan mutlak masih boleh dipraktikkan sebagaimana dilakukan pada zaman dua khalifah yang lepas. Oleh sebab itu, beliau berusaha untuk menegakkan pemerintahan Islam berdasarkan prinsip keadilan mutlak, sedangkan penentangannya berpendapat bahawa keadilan mutlak ini tidak sesuai dipraktikkan kerana terdapat tentangan dan masalah yang banyak semasa pemraktikannya, maka ijtihad mereka ialah menolak keadilan mutlak. Dalam pada itu, sebab-sebab lain yang diutarakan oleh sejarah bukanlah sebab yang sebenar, tetapi hanyalah sekadar alasan yang lemah.

#### **Jika anda bertanya :**

Kenapakan tidak diperkenankan taufik Allah kepada Imam Ali RA dalam mentadbirkan kemudi pemerintahan sebagaimana diperkenankan kepada khalifah sebelumnya, meskipun beliau mempunyai kepercayaan yang hebat, kecerdikan yang luar biasa dan kelayakan yang sempurna dalam memegang tampok pemerintahan?

#### **Jawapan :**

Sebenarnya Imam Ali (RA) berkeahlian dan berkeahlian bagi menjalankan tugas lebih berat yang mengatasi kepentingan siasah dan pemerintahan, kerana sekiranya diperkenankan sepenuhnya kepada beliau dalam bidang siasah dan pemerintahan nescaya beliau tidak diperkuatkan dengan gelaran “penghulu para wali” sebagai gelaran yang paling layak, sedangkan ianya satu makam maknawi yang beliau lebih berkeahlian sebenarnya. Sememangnya beliau telah memperolehi pemerintahan dan kekuasaan maknawi yang lebih tinggi berbanding pemerintahan siasah yang zahir hinggalah beliau telah bergelar “Mahaguru Alam Sejagat”, dan sememangnya pemerintahan maknawinya berjalan terus hinggalah ke hari kiamat.

○ Mengenai pergolotan yang berlaku di antara Imam Ali (RA) dengan Saidina Muawiyah (RA) dan pengikut-pengikutnya dalam peperangan “Siffin”, ianya adalah peperangan di antara pemerintahan (khilafah) dengan kekuasaan pemerintahan (kerajaan duniawi). Imam Ali (RA) telah mengambil hukum hakam agama, kebenaran Islam dan konsep hari kiamat sebagai asas, lalu mengorbankan sebahagian daripada peraturan kerajaan dan kekuasaan pemerintahan serta kekasaran yang dituntut dalam politik demi untuk kebenaran dan keadilan. Sebaliknya Saidina Muawiyah dan pengikutnya telah mengambil langkah dengan melazami prinsip *rukhsah* (kelonggaran) syarak dengan meninggalkan prinsip *azimah* (hukum tetap), demi meningkatkan kehidupan masyarakat Islam melalui siasah-siasah pemerintahan dan kenegaraan, lalu menganggap diri mereka bagaikan terpaksa untuk menerima hala tuju ini dalam kancah politik. Oleh sebab itu mereka mengutamakan *rukhsah* berbanding *azimah*, maka mereka terjerumus dalam kesilapan.

○ Mengenai penentangan daripada Hassan dan Hussain (RA) terhadap kerajaan Umawiyah, pada hakikatnya ia adalah pertentangan di antara agama dan perkauaman (nasionalisme). Kerana pemerintah Umawi bergantung harap kepada bangsa Arab dalam memperkukuhkan kerajaan Islam dengan

mendahulukan mereka berbanding yang lain, iaitu dengan mengutamakan ikatan perkauman mengatasi ikatan Islam, maka mereka menyebabkan ketegangan dari dua sudut :

Pertamanya, mereka menyakiti kaum-kaum yang lain dengan prinsip tersebut hinggalah mencetuskan perasaan benci dan ketakutan pada kaum itu.

Keduanya, prinsip-prinsip nasionalisme dan perkauman yang diikuti adalah prinsip yang zalim, tidak berlandaskan keadilan dan tidak menepati kebenaran kerana prinsip tersebut tidak berjalan sejajar dengan keadilan lantaran perundangan perkauman mengutamakan kaum mereka berbanding yang lain, maka bagaimanakah akan mencapai keadilan sebenar ! sedangkan, "Islam menyekat (pegangan asabiyyah pada zaman jahiliyyah) sebelumnya",<sup>2</sup> tidak ada perbezaan di antara hamba Habshi dengan ketua Qurashi apabila telah memeluk Islam.<sup>3</sup> Berdasarkan kepastian kedudukan ini, maka tidak boleh ditegakkan ikatan perkauman sebagai ganti kepada ikatan Islam, kerana di sana tidak terdapat sedikit pun keadilan sebaliknya boleh melenyapkan hak dan kebenaran.

Dalam pada itu, Saidina Hussain (RA) telah berpegang dengan ikatan keagamaan dan begitu pasrah dengannya, lalu bangkit menentang pemimpin umawiy hinggalah sampai ke tahap gugur syahid.

#### **Sekiranya dikatakan :**

Kenapakah Saidina Hussain (RA) tidak berjaya dalam usahanya meskipun beliau berada di pihak benar dan hak ? Dan kenapakah diperkenankan oleh rahmat dan ketentuan Ilahi dengan dijadikan penyudah kepada nasib beliau dan keluarganya dalam suasana getir dan menyedihkan ?

#### **Jawapan :**

Jika kita kecualikan mereka yang mempunyai hubungan erat dengan Saidina Hussain (RA), kita akan dapati bahawa terdapat beberapa kaum yang bermacam-macam yang menyertai beliau, iaitu mereka yang menghadapi tekanan daripada orang-orang muslimin lain kerana semangat perkauman mereka, maka mereka memendam perasaan untuk membalas dendam, akhirnya mereka telah menyebabkan kekeruhan niat murni yang didokong oleh perjuangan Hussain dan mereka yang bersamanya. Mereka juga yang mengeruhkan kejernihan perjuangan dan memadamkan cahaya hala tuju ke arah kemunduran.

O Hikmah daripada kejadian yang menyedihkan itu dari neraca ketentuan Ilahi ialah :

Hassan dan Hussain (RA), pengikut-pengikut dan kerabat kedua-duanya adalah terdidik dengan kekuasaan maknawi dan berkelayakan untuk ditingkatkan kepada martabat maknawi yang tinggi. Memandangkan pergabungan di antara kekuasaan keduniaan dan kekuasaan maknawi itu suatu yang sukar, maka ketetapan Ilahi telah menjadikan mereka menyisihkan keduniaan, lalu menampakkan kepada mereka bahawa dunia itu buruk agar tidak terpacat di hati mereka perhubungan dengan dunia. Ketetapan itu juga mengesa mereka agar menjauhkan tangan-tangan mereka daripada kekuasaan keduniaan yang sementara, di samping menetapkan mereka agar menjuruskan urusan ke arah kekuasaan maknawi yang tinggi dan berkekalan. Dengan itu, mereka menjadi rujukan kepada sekalian wali, tetapi tidak kepada para pemerintah kebiasaan.

#### **□ Soalan Ketiga Anda ialah :**

Apakah hikmah daripada tragedi yang menyedihkan dan muamalah zalim yang dialami oleh mereka yang suci itu ?

#### **Jawapan :**

---

<sup>2</sup>Diriwayatkan oleh Ibn Sa'ad dalam "*al-Tabaqat*" daripada al-Zubair dan Jubair Ibn Mat'am, dan diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Tabrani daripada 'Amru Ibn al-'Ass. (Kashf al-Khafa'. Jil. 1, hlm. 127). - Penterjemah asal.

<sup>3</sup>Terdapat banyak hadith mengenai larangan terhadap amalan jahiliyyah. Lihat al-Bukhari, *Kitab al-Janaiz*, *al-Manaqib* dan *Tafsir al-Quran* ; Musnad Ahmad, jil. 3, hlm. 338,385 ; jil. 4, hlm. 130, 202 ; jil. 5, hlm. 344 ; Musnad al-Tayalisi, hlm. 1162.

Seperti yang telah kami nyatakan sebelumnya, terdapat tiga faktor yang diamalkan oleh penentang Saidina Hussain (RA), iaitu pemimpin-pemimpin Umawi hingga menyebabkan berlaku kezaliman dan tindakan yang kasar itu :

Pertamanya, sistem pemerintahan yang zalim dan implikasinya ; seseorang individu mesti dikorbankan demi menjaga kerajaan dan mengembalikan ketenteraman peraturan dalam negara.

Kedua, kerajaan mereka berpegang kepada semangat perkauman dan kebangsaan, dan penentu yang menguasai segala urusan ialah sistem perundangan bersifat perkauman yang zalim, iaitu : “setiap sesuatu dikorbankan dalam rangka menjaga keselamatan umat.”

Ketiga, keringat permusuhan masih berakar umbi pada golongan Umawiy seperti Yazid dan seumpamanya terhadap golongan Hashimiy semenjak dahulu lagi, menyebabkan tersusun perancangan zalim dan keras yang tidak ada belas kasihan dan tolak ansur.

Ada faktor keempat yang menyebabkan berlakunya demikian, faktor khusus kepada mereka yang bergabung dengan barisan Saidina Hussain (RA), iaitu pegangan kerajaan Umayyah kepada fahaman perkauman Arab sahaja dalam menguruskan hal ehwal kerajaan, dan pandangan mereka yang rendah kepada kaum selain daripadanya, seolah-olah mereka hanyalah hamba, hinggan dinamakan dengan *al-mawali*, lalu menjadikan mereka merasa marah hingga mendorong mereka menyertai barisan Saidina Hussain, dan pada masa yang sama mereka mendokong niat yang tidak tulus kepada Allah, iaitu niat untuk membalas dendam. Kedudukan ini menyemarakkan lagi gelombang perkauman di kalangan pemerintah Umawi, menyebabkan mereka melakukan kerakusan yang menyedihkan, tanpa belas kasihan.

Keempat-empat faktor itu adalah sebab yang nyata, tetapi jika kita lihat perkara tersebut dari sudut ketentuan Ilahi, kita akan dapati Saidina Hussain dan kunci-kuncunya (RA) telah mendapat habuan akhirat yang baik, kekuasaan ruhi dan ketinggian maknawi lantaran tragedi yang menyedihkan itu kerana kesakitan dan kesukaran yang mereka tempuhi adalah sedikit dan ringan berbanding kedudukan yang tinggi yang mereka perolehi. Sebagai contoh, orang yang mati syahid hasil daripada seksaan selama satu jam akan terus memperolehi kedudukan tinggi sepenuhnya yang tidak mungkin dicapai oleh mereka yang melakukan ibadah secara berterusan selama sepuluh tahun. Dan jika ditanya orang yang mati syahid selepas kejayaannya memperolehi gelaran syahid disebabkan seksaan itu, nescaya beliau akan menjawab : “Saya telah memenangi ganjaran besar dengan pegoiban dalam masa singkat sangat.”

#### □ Kandungan Soalan Keempat Anda :

Kebanyakan manusia akan memeluk agama yang sebenar selepas daripada pembunuhan Dajal oleh Saidina Isa (AS) pada akhir zaman, sedangkan dinyatakan di dalam sesetengah riwayat lain : “Kiamat tidak akan berlaku selagi kedengaran di muka bumi seruan : Allah ... Allah ...”.<sup>4</sup> Soalannya kenapa manusia yang ramai ini selepas mereka memasuki lingkaran keimanan sebenar, mereka boleh terjerumus dalam arus kekufuran ?

#### Jawapannya :

Mereka yang lemah iman sebenarnya mengeneipkan kandungan hadith sahih mengenai turunya Nabi Isa (AS), pembunuhan dajal dan penegakan syariat Islam olehnya. Namun demikian sekiranya hakikat periwayatan itu dinyatakan dengan jelas nescaya penolakan itu tidak boleh dipersoalkan lagi. Penjelasannya adalah seperti berikut :

Maksud yang digambarkan oleh hadith dan riwayat yang memprihalkan tentang Mahdi dan Sufiani<sup>5</sup> adalah seperti berikut : pada akhir zaman, ada dua aliran yang tidak beragama yang akan bertambah dahsyat dan kuat ;

---

<sup>4</sup>Hadith sahih daripada Anas Ibn Malik RA, diriwayatkan oleh Muslim, No. 148 ; Ahmad, al-Tirmizi dan al-Hakam, jil. 4, hlm. 494 dan beliau berkata ; “Hadith ini sahih berdasarkan syarat al-Shaikhain (Imam al-Bukhari dan Muslim), tetapi mereka tidak mentakhrijkannya”. - Penterjemah asal.

<sup>5</sup>Lihat riwayat-riwayat dan disebut mengenai kedudukan kedua-duanya dalam “*al-Kalimat*” - Penterjemah asal.

Pertama : Seorang yang menakutkan bernama Sufiani akan menolak kenabian Nabi Muhammad SAW di samping menyembunyikannya secara bermuka-muka (*nifaaq*) dan beliau akan menerajui kepimpinan orang-orang munafik, lalu berusaha menghancurkan syariat Islam. Beliau akan berdepan dengan seorang yang mulia dari kalangan kaum keluarga Nabi SAW yang bernama Muhammad al-Mahdi yang menerajui kepimpinan para wali dan kumpulan kemuliaan, yang mempunyai kaitan dengan keturunan mulia dari kalangan *ahli al-bait*. Beliau akan menghapuskan dan menghancurkan fahaman kepuraan (*nifaaq*) yang ditonjolkan oleh Sufiani.

Aliran Kedua ; Ianya adalah aliran gerila penderhaka yang lahir dari ahli falsafah pengetahuan tabie dan kebendaan. Aliran ini tersebar dan menjadi kuat secara beransur-ansur dengan perantaraan falsafah kebendaan pada akhir zaman hinggalah kedudukannya sampai kepada peringkat mengingkari ketuhanan. Golongan yang mengingkari Allah ini mengurniakan kepada diri mereka sendiri satu jenis sifat ketuanan seolah-olah mereka itu Namrud kecil, sama seperti penganas yang jahil mengenai kuasa pemerintahan dan tidak kenal tentera dan pegawainya memberikan setu jenis kuasa dan hukuman kepada setiap tenteranya. Dajjal pula adalah yang paling hebat di kalangan mereka, mengetuai mereka dan memberikan kepada mereka sesuatu perkara luar biasa yang menyerupai amalan sihir dan pukau. Beliau akan melakukan huru hara yang dahsyat hinggalah terserlah kekuasaannya yang besar dengan terbentuknya satu jenis peribadatan terhadapnya dan akhirnya beliau menzahirkan ketuhanannya. Tidak syak lagi dakwaan seseorang insan yang lemah bahawa beliau adalah tuhan, sedangkan beliau mungkin boleh ditewaskan oleh lalat, dan tidak mampu nak mengadakan walaupun sayapnya, maka beliau sebenarnya adalah lemah dan sebodoh-bodoh manusia, beliau berhak mendapat penyudah yang hina dan jelek.

Dalam keadaan aliran tersebut mula berlulusa maka muncullah agama yang sebenar yang sebelumnya dibawa oleh Nabi Isa, yang didatangkan oleh seorang individu berkepribadian maknawi kepada Nabi Isa (AS). Ianya diturunkan dari langit kerahmatan Ilahi, maka kafahaman kristian akan disucikan ke arah kebenaran itu dan juga terpisah daripada perkara khurafat dan penyelewengan dan seterusnya bersatu dengan kebenaran Islam, yakni, agama kristian akan bertukar dari segi maknanya kepada sejenis ajaran Islam. Menurut al-Quran al-Karim, individu berkepribadian maknawi dari segi kekeristiannya akan menjadi pengikut kepada Islam dan Islam akan diterajui oleh pemimpin itu. Agama yang sebenar akan memperolehi kekuatan ketara hasil daripada pergabungan itu. Ini kerana pada waktu Islam dan Kristian berasingan, ia tidak berkuasa menghalang fahaman tak beragama, tetapi dengan persekutuan itu ia mempunyai kuasa untuk menghapuskan fahaman itu keseluruhannya. Pada waktu ini individu jelmaan Nabi Isa AS yang jasadnya kemanusiaan wujud di alam ghaib akan memimpin angkatan aliran agama kebenaran ini. Kedudukan telah dinyatakan oleh nas yang qatie, berlandaskan kepada janji daripada Tuhan yang maha kuasa, maka kedudukan ini adalah benar, tidak boleh diragu-ragukan kerana jika Tuhan yang maha kuasa ke atas sesuatu menyatakannya, maka tidak syak lagi, Dia akan melaksanakannya.

Sememangnya, Tuhan yang Maha Esa yang mengutus malaikat secara berduyung-duyung dari langit ke bumi dan menjadikan mereka kadang-kadang dalam rupa bentuk insan (sebagaimana Dia mengutus Saidina Jibril dalam rupa bentuk sahabat yang bernama Dahyah al-Kalbi). Dia SWT juga mengutus makhluk ruhani daripada alam arwah yang berbentuk seperti bentuk manusia biasa, malahan sentiasa mengutus banyak ruh-ruh dari kalangan para wali yang telah wafat dalam bentuk jasad-jasad mereka yang sama sebelumnya ke alam dunia. Dengan itu, tidak hairanlah dengan hikmatNya, Tuhan yang maha bijak sana lagi agung akan mengutus Nabi Isa AS yang masih hidup berada dalam syurga ke dunia, bahkan kalau Beliau telah mati secara hakiki dan pergi ke bahagian paling hujung pada alam akhirat pun, Allah masih berkuasa berdasarkan kebijaksanaannya menjelmakan beliau dengan jasad baru dan seterusnya mengutus kembali ke dunia demi untuk matlamat yang besar ; sebagai penutup tirai yang baik kepada agama yang telah didatangkan oleh Nabi Isa As. Allah telah membuat janji benar terhadap perkara ini berasaskan tuntutan hikmahNya yang besar. Jika Allah berjanji nescaya Dia akan menghantarnya dengan pasti. Namun demikian, tidak semua orang mengenali bahawa Baginda adalah Nabi Isa yang sebenarnya semasa Baginda diturunkan ke dunia, hanyalah yang dapat mengenalnya golongan yang dikhususkan dan yang hampir dengannya melalui cahaya keimanan, kerana orang ramai semuanya dengan darjat kebiasaan tidak dapat mengenali Baginda AS.

#### □ Soalan :

Terdapat dalam beberapa riwayat bahawa : Dajjal mempunyai syurga palsu yang dimasukkan ke dalamnya para pengikutnya dan mempunyai neraka palsu yang dicampakkan ke dalamnya mereka yang tidak mengikutnya, malahan dia juga menjadikan salah satu telinga kenderaannya sebagai syurga dan sebelahnya

pula sebagai neraka.<sup>6</sup> Dajjal juga mempunyai badan yang besar, panjangnya sebegitu panjang dan mempunyai sifat-sifat lain yang tidak dikenali. Soalannya adalah, apakah maksud sebenar riwayat-riwayat ini ?.

**Jawapan :**

Individu yang menzahirkan diri sebagai dajjal ini adalah sama seperti manusia, tetapi manusia yang memporak-perandakan, syaitan dungu yang terpedaya, suka berperang dan melakukan kerosakan. Beliau melupakan Allah Taala sehingga dianggap kerajaanya yang besar itu dengan nama ketuhanan secara nyata.

Individu maknawi yang merupakan aliran perosak yang kufur, ianya adalah seorang yang sangat besar sekali. Riwayat-riwayat yang menyebut mengenai sifat-sifat yang besar adalah menunjukkan kepada individu maknawi itu. Sebagaimana pada satu masa, diceritakan oleh seorang panglima agung angkatan tentera Jepun tentang seorang manusia yang salah satu tapak kakinya berada di lautan Pasifik dan satu lagi tapak kakinya ditemui di Port Arthur yang jauhnya di antara satu dengan yang lain memakan masa sepuluh hari perjalanan. Gambaran personaliti yang nyatakan oleh panglima itu adalah nyata menggambarkan individu maknawi tersebut sedemikian.

Syurga palsu kepunyaan dajjal adalah kealpaan dan tipu daya pembangunan yang mengoda. Sementara kenderaan tunggangannya pula adalah pengangkutan perantara yang menyerupai keretapi, di kepalanya terdapat pembakar api yang dimasukkan ke dalamnya mereka yang tidak mengikutinya. Telinga sebelah lagi satu kenderaan tersebut ialah kepala keretapi yang satu lagi yang dihamparkan dengan hamparan yang lembut sama seperti syurga untuk diduduki oleh pengikutnya. Sememangnya keretapi adalah pengangkutan yang penting kepada pembangunan yang rakus dan zalim kerana syurga palsu akan didiami oleh orang dungu dan hina, tetapi kepada ahli agama dan Islam, jika ia dianggap bandar yang membangun, maka ianya seolah-olah malaikat Zabaniyyah, penjaga neraka yang boleh mendatangkan kehancuran, kecelakaan dan kehinaan.

Meskipun dengan penyebaran agama sebenar yang didatangkan oleh Isa AS telah memberi cahaya kepada sebilangan besar manusia, iaitu dengan kemunculan dan pertukarannya kepada agama Islam, tetapi pada masa kiamat hampir berlaku, aliran kekufuran muncul sekali lagi secara meluas hinggalah kumpulan ramai di muka bumi tidak ada lagi mereka yang berkata : Allah ... Allah ... ertinya tidak wujud sama sekali satu kumpulan yang penting yang memegang kedudukan yang utama di muka bumi.

Namun demikian hadith itu tidak bermakna bahawa tidak ada langsung di muka bumi ahli kebenaran dan pendakwah ke arahnya, sebaliknya akan kekal ahli kebenaran tetapi bilangan yang sedikit berbanding ahli kekufuran atau mereka akan dikalahkan oleh ahli kekufuran itu. Mereka yang benar itu akan kekal hingga hari kiamat tetapi ketika ia berlaku ruh mereka yang beriman akan dicabut terlebih dahulu, sebagai satu rahmat daripada Allah SWT kepada mereka agar mereka tidak melihat bahana hari kiamat dan seterusnya kiamat itu berlaku di kalangan orang kafir sahaja.

**Kandungan Soalan Kelima Kamu :**

Adakah roh-roh yang kekal itu akan mendapat kesan daripada keperitan kiamat ?

**Jawapan :**

Ya ! Mereka akan merasa bahangnya mengikut darjat mereka, sebagai mana para malaikat juga mendapat kesan tetapi kesan yang khusus kepada mereka dengan penjelmaan secara keras, kerana sebagaimana jika orang yang berada di tempat yang panas melihat orang-orang yang mengigir dalam salji, nescaya beliau juga akan merasa kesakitan terhadap keadaan mereka melalui minda dan perasaan. Begitu jugalah dengan roh-roh yang kekal yang mempunyai perasaan dan perhubungan dengan alam semesta ini, maka mereka juga akan terasa bahang kejadian-kejadian dahsyat yang berlaku di dalamnya, tetapi mengikut darjat

---

<sup>6</sup>Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda : “Dengarlah! Aku akan memperihalkan kepada kamu berkenaan Dajjal, cerita yang tidak pernah dinyatakan oleh mana-mana Nabi kepada kaumnya?. Beliau seorang yang buta sebelah mata dan datang dengan membawa bersama gambaran syurga dan neraka. Mereka yang mengatakan bahawa ia syurga maka sebenarnya adalah neraka. Saya di sini memberi ingat kepada kamu sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Nuh kepada kaumnya”. Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab al-Ambiya dan oleh Muslim, No. 2936. - Penterjemah asal.



masing-masing. Isyarat daripada al-Quran menyatakan roh-roh akan merasa dengan kesakitan sekiranya mereka dari kumpulan yang diazab, sebaliknya jika mereka dari golongan kebahagiaan, mereka akan melihatnya dengan perasaan hairan dan menakjubkan, serta perasaan kegembiraan. Memandangkan al-Quran menyebut keajaiban suasana hari kiamat ini dalam gaya bahasa mengherdik dan memberi peringatan dengan katanya : “Kamu akan melihatnya”, sedangkan yang akan melihat fenomena itu dengan pasti dalam keadaan berjasadkan manusia adalah mereka yang masih hidup pada hari terakhir itu, jadi, roh-roh yang jasadnya telah reput di dalam kubur tergolong daripada mereka yang terkena ugutan al-Quran ini juga.

#### □ Kandungan Soalan Kamu Keenam

Adakah ayat al-Quran yang berbunyi : (كل شيء هالك إلا وجهه), maksudnya “ Setiap sesuatu akan binasa melainkan zat Allah”, (al-Qasas :88) merangkumi syurga, neraka dan kandungannya atau tidak ?.

#### Jawapan :

Masalah ini telah menjadi topik perbincangan di kalangan para ulamak muktabar, golongan sufi dan para wali yang soleh, maka dalam masalah ini, jawapannya adalah berdasarkan kepada pendapat mereka meskipun ayat ini mempunyai ruang lingkup yang sangat luas di samping mengandungi banyak peringkat. Sebilangan besar daripada pengkaji mengatakan : Ayat ini tidak merangkumi alam baqa'. Sebaliknya mereka yang lain mengatakan : Alam-alam akhirat juga terkena sejenis kebinasaan dalam jangka masa yang terlalu singkat, iaitu waktu yang pendek hinggalah tidak dirasai dengan kepemergiannya ke alam fana dan terus kembali baik semula.

Namun demikian, apa yang terpahat di dalam pemikiran sesetengah ahli kassaf yang melampau mengenai berlakunya kebinasaan secara mutlak adalah tidak benar kerana zat Allah Yang Maha Suci adalah kekal dan abadi. Maka semestinya begitu jugalah dengan sifat-sifat dan nama-namaNya. Memandangkan kedua-dua perkara itu kekal maka penghuni alam baqa' dan benda-benda kekal yang terdapat di alam baqa', yang merupakan cermin, manifestasi, kulit dan tanda-tanda zahirnya juga tidak akan hilang secara pastinya ke arah kebinasaan mutlak.

Di sini saya akan catat dua noktah secara umum apa yang terlintas ke dalam fikiranku daripada limpahan al-Quran:

**Pertamanya** : Kekuasaan Allah SWT tidak ada batasan baginya hinggalah kewujudan dan ketiadaan jika nak dibandingkan dengan kekuasaanNya adalah sama seperti dua buah rumah, Dia boleh menghantar kepada kedua-duanya sesuatu perkara dan menarik balik daripada kedua-duanya dengan begitu mudah dan cepat juga. Sekiranya Dia hendak, Dia boleh melakukannya dalam masa satu hari atau satu detik.

Sesuatu yang tidak wujud secara mutlak maka ianya tidak wujud dari asal lagi kerana terdapatnya pengetahuan yang menyuluruh di sisi Allah SWT. Tambahan pula tidak ada sesuatu yang di luar daerah pengetahuan Ilahi supaya dibuangnya sesuatu ke arahnya. Sesuatu yang tiada yang terdapat di dalam lingkungan daerah pengetahuanNya adalah ketiadaan luaran dan satu topik yang tersembunyi tetapi wujud dalam pengetahuan Allah SWT. Sesetengah ulamak yang muktabar terpaksa menamakan perkara yang wujud dalam pengetahuan Allah ini sebagai “hakikat sesuatu yang tersembunyi”. Oleh sebab itu, kepemergiannya ke arah kebinasaan adalah dengan menanggalkan pakaian luaran sesuatu buat sementara dan memasukkannya dalam kewujudan maknawi dan ilmi. Maksudnya Sesuatu yang binasa dan hancur hanya meninggalkan kewujudan luaran dan badannya memakai kewujudan maknawi dengan cara keluar daripada daerah kekuasaan untuk memasuki daerah pengetahuan Ilahi.

**Noktah Kedua** : Sebagaimana kita telah nyatakan banyak kali dalam “al-kalimat” : bahawa setiap sesuatu binasa dengan maksud yang tinggi dan dengan bentuk yang merujuk kepada zatNya SWT, maka kewujudan Allah bukanlah terasing tetapi dengan zatNya dan Dia bukan mempunyai hakikat yang berada dengan zatNya sahaja, tetapi sesuatu itu wujud dari segi pandangan pemerhati kepada Allah SWT - maksudnya jika ditafsirkan dengan maksudnya secara harfiah maka Dia tidak binasa, kerana ianya mempunyai penjelmaan yang nyata kepada nama-nama yang kekal, maka ia bukannya tidak wujud, kerana masih membawa bayangan kepada kewujudan yang kekal, Dia juga mempunyai hakikat yang sabit, iaitu hakikat yang tinggi kerana telah mencapai sejenis bayangan yang kekal bagi nama kekal abadi.

Firman Allah yang berbunyi : “Setiap sesuatu akan binasa melainkan mukaNya” adalah seumpama pedang yang boleh memotong tangan manusia selain Allah SWT, kerana ayat itu boleh memutus perhubungan-

perhubungan dengan perkara-perkara yang binasa di dalam dunia yang fana, pada selain daripada jalan Allah SWT. Dengan ini, kandungan hukum ayat itu adalah melihat kepada perkara-perkara yang binasa semasa di dunia, dengan maksud bahawa jika sesuatu itu menuju ke jalan Allah, yakni sekiranya dengan makna secara harfiyyah, iaitu sekiranya dilakukan kerana Allah, maka tidak termasuk dalam likungan perkara selain daripada Allah, maka tidak dipukul tengkuknya dengan pedang ayat “setiap sesuatu akan binasa melainkan mukaNya”.

Kesimpulannya, Sekiranya sesuatu itu dilakukan kerana Allah, maka ia akan menjumpai Allah, tidak yang lain sehinggakan kepalanya dipotong, tetapi sekiranya ia tidak menjumpai Allah, maka dia tidak melakukannya demi untuk jalan Allah, maka semua perkara adalah selain Allah, maka dihulurkan pedang : “Setiap sesuatu akan binasa melainkan mukaNya”, dan dikoyak-koyakkan tabir sehingga beliau menjumpai Allah SWT.

Yang Kekal !, Hanyalah Dia Yang Kekal Abadi

Said Nursi.

## WARTA KEENAM BELAS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

"Mereka yang dikatakan oleh orang ramai bahawa orang ramai telah mengepung kamu, lalu mereka menakutkan mereka, maka bertambahlah keimanan mereka sambil berkata memadailah Allah penolong kami" (Al-Imran :1773)

Warta ini menyelemai salah satu rahsia yang terkandung dalam ayat (فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لِّنَا) (Taha : 44 ) yang bermaksud "maka hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang baik", maka dengan itu ia tidak ditulis dengan bahasa yang kasar.

Warta ini adalah jawapan kepada soalan yang dikemukakan sama ada secara nyata atau implisit. Sebenarnya saya tidak ingin mencatat jawapan ini kerana saya tidak tenang dengannya. Tambahan pula saya telah menyerah seluruh diri ini ke hadrat Pelindung Yang Maha Kuasa dan bertawakal hanya kepadaNya. Namun demikian, seperti biasa saya tidak benarkan diri saya mendapat kerehatan dalam duniaku, tambahan pula mereka memesong pandanganku ke arah dunia, maka oleh sebab itu saya menjawabnya secara terpaksa tetapi bukan dengan lidah Said yang baru sebaliknya dengan lidahnya yang lama. Saya tidak menjawabnya demi untuk menyelamatkan diri saya sahaja, sebaliknya menyelamatkan saudara-saudara saya serta kitab (*Al-Kalimat*) daripada keraguan yang disebarkan oleh orang ramai dan mereka yang menyakitinya. Di sini saya akan nyatakan dalam lima noktah mengenai kedudukan diri saya kepada rakan-rakan, orang ramai dan pihak berwajib.

### □ NOKTAH PERTAMA

Soalan ditanya : Kenapa anda menarik diri daripada lapangan politik dan sekarang tidak mendekati diri walaupun sedikit ?.

#### Jawapan :

Said yang dahulu telah bergelombang dalam kancah politik hampir sepuluh tahun dengan alasan dapat berkhidmat kepada agama dan ilmu pengetahuan melaluinya. Namun demikian percubaan berlalu bagaikan angin menghembus kerana beliau melihat jalannya penuh onak dan meragukan. Memasuki dalam kancahnya bagi saya adalah suatu gangguan kerana ia menghalang daripada melakukan kewajipan yang paling penting. Tambahan pula politik itu banyak bahayanya. Kebanyakannya pendustaan dan tipu daya. Seseorang yang memasukinya berkemungkinan menjadi alat kepada kuasa asing tanpa disedari. Boleh jadi juga mereka yang bergelombang dalam kancah politik sama ada ianya sejajar dengan politik kerajaan atau sebagai penentangannya. Sekiranya saya sealiran dengan pemerintah, maka memasukinya bagi saya adalah tidak penting dan tidak memberi makna apa-apa pun kepada saya kerana saya bukannya pegawai kerajaan atau ahli parlimennya. Dengan ini, tidak ada makna saya berkecipung dalam urusan politik kerana mereka tidak memerlukan saya memasukinya. Jika saya memasuki di sebelah pihak penentang atau parti yang bertentang dengan kerajaan, makasaya mesti memasukinya sama ada secara pemikiran atau melalui kekuatan. Kemasukan secara memberi buah fikiran juga saya tidak perlu kerana kedudukannya nyata sekali dan masyarakat umum mengetahui permasalahannya sama seperti saya, maka tidak perlu banyak cakap (الثرة). Kemasukan secara kekuatan, iaitu dengan menzahirkan pertentangan dengan mengadakan beberapa permasalahan untuk mencapai matlamat yang diragui, maka berkemungkinan membawa kepada beribu-ribu dosa dan bebanan kerana ramai akan menerima bahana lantaran tindakan seorang individu. Sedangkan jiwa saya tidak rela bergelumang dengan dosa-dosa dan mengheret mereka yang suci ke dalamnya lantaran satu atau dua kemungkinan di antara sepuluh kemungkinan lain. Oleh sebab itu, Said yang dahulu telah meninggalkan kancah politik, perbincangan mengenainya yang berbentuk keduniaan dan membaca surat khabar, di samping meninggalkan rokok.

Bukti yang nyata kepada kedudukan ini ialah saya tidak pernah membaca mana-mana surat khabar dan mendengannya daripada seseorang pun semenjak lapan tahun. Tampillah sesiapa sahaja yang boleh mendakwa bahawa saya ada berbuat demikian. Sedangkan Said yang dahulu, sebelum lapan tahun ini membaca lebih kurang lapan naskhah surat khabar setiap hari. Tambahan pula semenjak lima tahun ini, kedudukan saya sentiasa diperhatikan dan dikawal. Carilah seseorang yang boleh mendakwa bahawa saya pernah membicarakan perihal politik. Tambahan pula seseorang yang berdarah gemuruh, tidak gentar dan tidak mempunyai perhubungan dengan seseorang seperti saya ini, nescaya dia akan mendapati sebaik-baik muslihat ialah dengan megeneipikan tipu muslihat berdasarkan kaedah, (Helah sebenar terangkum dalam

meninggalkan segala tipu muslihat). Sesiapa yang keadaannya seperti ini, ideanya tidak mungkin kekal dalam tempoh lapan hari, bukannya lapan tahun. Ini kerana sekiranya beliau mempunyai keinginan dan suka kepada politik, nescaya beliau akan melatangkan suara seperti tembakan meriam dan tidak akan meninggalkan kepentingan menyelidik dan meneliti.

#### □ **Noktah Kedua**

Kenapakah Said yang baharu ini sangat memencilkan diri sangat daripada arena politik ?

#### **Jawapan :**

Beliau melakukan demikian agar tidak mengorbankan usaha dan kejayaannya untuk mendapatkan lebih berjuta-juta tahun kehidupan kekal abadi, berbanding memasuki secara tidak formal dalam politik yang hanya menawarkan kehidupan keduniaan yang meragukan dalam jangka masa setahun atau dua tahun sahaja. Tambahan pula beliau melarikan diri dengan begitu ketara daripada arena politik adalah semata-mata untuk berkhidmat kepada al-Quran dan keimanan yang merupakan perkhidmatan yang paling penting, banyak kepentingan dan paling suci dan berhak. Dalam hal ini beliau pernah berkata :

Saya sedang merangkak ke arah tua dan tidak tahu berapa lama lagi saya akan hidup selepas ini, jadi amalan yang lebih baik bagi saya ialah amalan untuk kehidupan abadi. Inilah yang paling nyata. Ini kerana keimanan adalah perantara kejayaan kepada kehidupan yang kekal dan kunci kebahagiaan yang berterusan, oleh sebab itu perlu berusaha ke arah itu. Memandangkan saya alim dalam bidang agama, maka bertanggungjawab dari segi syarak bagi memberi pengajaran kepada orang ramai. Oleh sebab itu saya ini memberi khidmat kepada mereka dalam bentuk ini. Namun demikian, khidmat ini juga ada hubung kait dengan kehidupan sosial dan kemasyarakatan yang saya tidak mampu melakukannya memandangkan untuk melakukan amalan yang betul pada zaman kegawatan ini amat sukar, maka saya sisihkan bidang ini dan saya lebih mengutamakan gerak kerja ke arah perkhidmatan keimanan yang merupakan khidmat yang paling utama, pasti dan selamat. Dengan ini, saya tinggalkan pintu terbuka agar orang lain boleh mencapai hakikat keimanan penawar hati yang telah saya usahakan dan lalui dengan diri sendiri. Moga-moga Allah menerima khidmat ini dan menjadikannya sebagai kifarot kepada dosa-dosa yang lalu.

Selain daripada syaitan, khidmat ini tidak akan ada sesiapa menghalangnya sama ada orang mukmin, atau kafir atau sama ada orang mengesakan Allah atau ethies, kerana mereka yang tidak ada iman tidak boleh dibuat perbandingan. Barangkali terdapat kelazatan syaitan yang durjana dalam melakukan kezaliman, kefasikan dan dosa-dosa besar, tetapi oleh kerana tidak ada iman maka tidak ada kelazatan mengenainya secara mutlak, sebaliknya hanyalah kepedihan dalam kepedihan, seksaan dalam seksaan dan kegelapan yang bersilih ganti.

Begitulah keadaannya sekiranya meninggalkan usaha untuk kehidupan abadi dan amalan untuk cahaya keimanan yang tulus. Memasuki dalam percaturan politik yang bahaya dan tidak terlalu mustahak pada penghujung usia adalah bersalahan dengan logik akal dan tersisih daripada hikmah, terutamanya kepada individu seperti saya ini yang tidak ada hubungan dengan seseorang pun, hidup sebatang kara, yang perlu membuat penelitian terhadap kifarot-kifarot segala dosa yang lalu. Sebaliknya boleh dianggap gila dan cetek fikiran. Malahan mereka yang lemah juga mengerti kedudukannya.

Sekiranya anda mengatakan : “ Bagaimana khidmat al-Quran dan keimanan boleh menghalang awak daripada bergiat dalam politik”?

Saya akan menjawab : Hakikat keimanan dan al-Quran mempunyai nilai yang tinggi sama seperti mahalanya permata berlian. Sekiranya saya bergelumbang dengan politik, nescaya orang ramai berpendapat : “ Adakah si pulan ini ingin menjadikan kita cenderung ke arah politik ? dan tidakkah orang yang mengajak ke arah itu adalah semata-mata diayah politik untuk menarik pengikut ?, dengan erti kata lain mereka akan memandang bahawa permata yang berharga itu hanyalah sebagai seketul cebisan kaca. Dengan ini, saya telah menzalimi hakikat barang tang bernilai dan telah merendahkan harganya yang tinggi, dengan kemasukanku ke dalam politik.

Wahai ahli dunia ! kenapakah kamu tidak membiarkan saya dengan keadaanku sebaliknya kamu menyusahkanku dengan pelbagai cara?

\*Sekiranya kamu katakan :

Beberapa syikh orang sufi kadang kala ada memasuki melibatkan diri dengan politik dan orang ramai juga kadang kala memanggil anda dengan nama syikh !

Saya menjawab : Wahai tuan ! Saya bukanlah syikh sufi, sebaliknya saya hanya alim dalam agama saya. Dalil kepada kedudukan ini, sekiranya saya telah mengajar seseorang tariqat sufiyyah sepanjang empat tahun saya tinggal di sini, nescaya kamu mempunyai hak untuk merasa sangsi dan ragu-ragu, tetapi saya tidak mengatakan kepada mereka yang mendatangi saya melainkan bahawa zaman ini bukanlah zaman tariqat. Sebaliknya keimanan dan Islamlah yang sangat penting.

\*Dan sekiranya kamu katakan :

Orang ramai memanggil anda dengan nama (Said al-Kurdi), barangkali anda menjunjung dan mengajak kepada idea nasionalisme. Keadaan ini tidak sejajar dengan kedudukan kita dan tidak memberi faedah kepada kita.

Saya akan mengatakan : Wahai saudara ! Tulisan yang ditulis oleh Said Dahulu dan Baharu telah berada di tangan anda. Saya telah nyatakan di dalamnya saksi di mana saya berpendapat - dari dahulu lagi - bahawa perkauman yang negatif dan seruan kepada nasionalisme sebagai pandangan racun yang membunuh kerana ianya penyakit eropah yang bahaya. Pandangan itu berdasarkan arahan kenabian yang tegas bahawa Islam menghalang fahaman perkauman jahiliyyah. Eropah telah melepaskan wabak penyakit di kalangan orang Islam untuk memecahbelahkan mereka dari segenap ceruk, demi untuk memudahkan mereka membaham orang Islam kumpulan demi kumpulan. Saya telah mengembeling sepenuh tenaga untuk mengobati penyakit yang durjana ini. Pelajar-pelajar dan mereka yang ada hubungan rapat dengan saya yang menyaksikannya.

Memandangkan kedudukannya sedemikian, wahai saudara ! Apakah pendorong sebalik dalih pada setiap peristiwa untuk menyakiti dan meyedihkan saya ? Perbuatan anda terhadap saya itu samalah kedudukannya dengan meremehkan tentera saya di barat kerana kesalahan yang dilakukan oleh tentera saya di timur dalam kontak kedua-duanya adalah dua tentera, atau samalah menghukum kedai saya di Baghdad kerana ianya kedai saya disebabkan kesalahan kedai saya di Istanbul. Beginilah kedudukan kamu dalam setiap tindakan keduniaan yang kamu ambil sebagai perantaraan untuk menyakiti saya. Suara hati manakah yang membuat hukuman sebegini ? Dan apakah faedah yang diperolehi ?.

### □ **Noktah Ketiga**

Rakan-rakan saya yang memerhati perjalanan dan keadaan hidup saya, mereka merasa hairan dengan reaksi saya mendiamkan diri dan sabar terhadap setiap musibah yang melanda, lalu mereka menimbulkan persoalan : Bagaimana anda menghadapi kesusahan dan keperitan yang menimpa ?, sedangkan anda sebelumnya seorang pemaarah, tidak pernah membenarkan seseorang pun meremehkan maruah diri anda. Anda juga sebelumnya tidak boleh sabar walaupun dengan sedikit penghinaan ?

### **Jawapan :**

Dengarkanlah dua peristiwa dan cerita, dan ambillah jawapan daripada keduanya !

### **Cerita Pertama :**

Dua tahun lepas semasa ketiadaan saya, seorang pegawai tinggi kerajaan telah mengeluarkan kenyataan yang diputarbelitkan, di mana di dalamnya terdapat penghinaan dan celaan terhadap saya tanpa aslasan dan sebab. Kenyataan itu telah diberitahu kepada saya, lalu saya merasa sebak hampir selama sejam dengan perasaan Said Dahulu. Kemudian dengan rahmat Subhanahu wa Ta'ala, hakikat sebenar telah terserlah di dalam hati saya, lantas menghilangkan sebak itu dan mendorong saya untuk berjabat tangan dengan individu tersebut. Hakikat kebenaran itu ialah :

Saya berbisik kepada diri saya : Sekiranya penghinaan dan bentuk kekurangan yang dinyatakan oleh individu itu tertumpu kepada keperibadian dan diri saya sendiri, maka mudah-mudahan Allah SWT akan meredai beliau kerana telah memperlihatkan saya keaiban diri. Dan sekira beliau benar, nescaya kritiknya akan mendorong saya ke arah mendidik dan mendisiplinkan ammarah diri saya, dengan ini

beliau telah membantu saya mencapai kejayaan daripada tipu daya dunia. Sebaliknya jika ia dusta, maka ianya juga adalah pertolongan kepada saya untuk melepaskan diri daripada riya' dan daripada kemasyhuran yang dusta yang merupakan asas riya'. Benar ! saya tidak pernah memperbaiki diri saya langsung kerana saya tidak mendidiknya. Sekiranya seseorang memberi peringatan mengenai adanya kala pada mana-mana bahagian tubuh saya, sewajarnya saya merelainya, tidak naik bengang dengannya.

Sebaliknya jika penghinaan itu menjurus kepada sifat kedudukan saya sebagai khadam keimanan dan al-Quran, ianya tidak tertumpu kepada saya, malahan saya akan menyerahkan individu itu kepada Tuan punya al-Quran yang telah mengambil saya berkhidmat dalam tugas ini, iaitu Tuhan Yang Maha Mulia Lagi Bijaksana.

Sekiranya kata-katanya hanya untuk mencaci dan menghina keperibadian saya sahaja, serta merendahkan kedudukan saya maka ini juga tidak menjurus kepada saya kerana saya adalah tawanan yang dirantai dan orang asing dalam negeri ini. Dengan ini, mempertahankan kemuliaan saya bukanlah tugas saya sebaliknya khas kepada pemimpin yang memerintah, membuat hukuman dan penjagaan kampung yang saya sebagai tetamunya, kerana penghinaan tawanan/hamba kembali kepada pemiliknya, maka beliaulah yang mempertahankannya.

Dengan hakikat kebenaran ini, hati saya berasa tenang, lalu saya membaca ayat : {أَقْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ بِصِيرِ} {أَقْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ بِصِيرِ} yang maksudnya "Dan saya serahkan urusan saya kepada Allah yang sentiasa memerhati hamba". (al-Quran : Ghafir ; 44). Kemudian saya buat tidak kisah tentang dan melupakan kejadian itu dan menganggapnya tidak berlaku. Namun demikian ternyata selepas itu - dukacitanya- bahawa al-Quran tidak membebaskannya, lalu membalasnya.

### **Cerita Kedua :**

Telinga saya telah terdengar bahawa satu kejadian telah berlaku dalam tahun ini. Walaupun saya mendengarnya setelah ia berlaku dan secara umum sahaja, tetapi saya menganggap seoa-olah saya mempunyai perkaitan yang kuat dengan kejadian itu. Memandangkan saya tidak berhubungan dengan seseorang pun dan tidak mengutus surat kepada sesiapa pun melainkan sekali sekala kepada seorang teman dan ianya berhubungan dengan masalah keimanan. Saya tidak menulis kepada saudara saya kecuali satu surat sahaja sepanjang empat tahun. Sebenarnya saya menghalang diri saya mengauli orang ramai dan berhubungan dengan mereka, tambahan ahli dunia menegah saya berbuat demikian. Saya hanya berjumpa hanya seorang dua sahabat karib sahaja dalam beberapa minggu. Itu pun cuma sekali dua sahaja. Mengenai tetamu tang bertandang ke kampung pula, mereka tidak ramai, tidak lebih dari seorang dua sahaja dan mereka berjumpa saya hanya seminit dua sahaja dalam angka masa sebulan. Itu pun berhubungan dengan masalah akhirat... Dengan keadaan ini, saya bagaikan orang asing kerana ditegah mengauli orang ramai, ditegah dari semua perkara dan saya hanya tinggal sebatang kara terasing, tidak ada saudara mara dan di dalam kampung pun tidak ada kerja yang sesuai untuk saya mencari nafkah. Malahan, empat tahun yang lalu, saya telah membangunkan sebuah masjid yang rosak dan seterusnya menjadi imam untuk tempuh empat tahun (moga-moga Allah menerimanya), memandangkan saya membawa sijil Imam dan Penasihat dari negeriku. Walaupun demikian, saya tidak mampu pergi ke masjid pada bulan Ramadan yang lalu, maka saya kadang kala sembahyang berseorangan, dengan ini saya diharamkan pahala berjamaah yang sampai dua puluh lima kali ganda.

Berdasarkan dua kejadian yang menimpa saya ini, saya hanya menzahirkan kesabaran dan kecekalan yang saya zahirkannya sebelum dua tahun sebelumnya dalam menghadapi tindakan pemerintah. Saya akan meneruskan kesabaran dan kecekalan ini dengan izin Allah.

Namun demikian apa yang bermain di benak fikiran yang saya ingin katakan ialah :

Kesangsaraan yang timpakan oleh ahli dunia terhadap saya, begitu juga dengan keperitan dan kesukaran itu, sekiranya ditujukan kepada diri saya yang lemah bercampuran dengan keaiban, maka saya memaafkan mereka dengan harapan diri saya berdasarkan kedudukannya mampu menanggung penyeksaan, maka ianya sebagai kifaraf kepada dosa-dosanya. Sekalipun mereka yang menyakiti saya itu membuat tindakan yang kasar dalam dunia yang sementara ini, maka saya bersyukur kepada tuhan saya kerana saya boleh melihat keindahan dan kehebatannya.

Sebaliknya sekiranya ahli dunia menga mengenakan ke atas saya keseksaan kerana saya melakukan perkhidmatan keimanan dan al-Quran, maka pertahanan kepada semua ini bukanlah urusan saya sebaliknya saya serahkan kepada Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar.

Sekiranya penyeksaan itu bertujuan untuk merosakkan tumpuan orang ramai kepada saya dan sebagai satu strategi untuk menghalang penerimaan mereka terhadap saya, iaitu penerimaan kepada satu tahap kemashyuran yang dusta yang tidak ada asasnya, sebaliknya suatu sebab kepada riya' dan merosakan keihlasan ... maka mereka sebenarnya mendapat rahmat kan keberkatan daripada Allah kerana saya berpandangan, mencari kemashyuran dan penerimaan orang ramai adalah satu kemudaratn kepada individu seperti saya ini. Sebenarnya mereka yang mempunyai perhubungan dengan saya mengenali saya dengan baik, bahawa saya tidak menerima sanjungan terhadap saya, malahan saya menjauhkan diri dari semua itu, hinggakn seorang teman karib yang saya muliakan telah saya tegurnya lebih lima puluh kali kerana terlalu menghormati saya.

Namun demikian, sekiranya tujuan mereka meremehkan dan menjatuhkan kedudukan saya pada kaca mata orang ramai, maka menjadi tugas hakikat keimanan dan al-Quran yang saya berusaha menyampaikannya, maka sia-sia sahajalah percubaan mereka kerana bintang al-Quran tidak boleh ditabiri oleh sesuatu pun. Mereka yang menutup matanya nescaya al-Quran menjadikan siangny malam yang tidak ada siang selepasnya.

□ **Noktah Keempat** : Jawapan kepada beberapa soalan yang memragukan.

Soalan Pertama : Ahli Dunia bertanya kepada saya : Bagaimana awak hidup dan bagaimana dengan kehidupan awak tanpa bekerja ?, sedangkan kami di negeri kami tidak boleh menerima penganggur malas yang mendapat rezki daripada usaha dan titik peluh orang lain ?

Jawapan : Saya hidup dengan cara prinsip ekonomi dan keberkatan. Saya hanya menerima rezeki daripada Allah, tidak daripada orang lain dan saya bertekad untuk tidak menerimanya sepanjang hidup.

Benar, orang yang hidup dengan seratus *para* (*nyarah*)<sup>7</sup> malahan dengan empat puluh *para* akan engan melibatkan usaha orang lain. Sebenarnya saya tidak ingin menyatakan masalah ini kerana ditakuti timbul perasaan bangga diri dan ego. Saya juga benci dikenali sedemikian dan ianya sangat berat bagi saya, tetapi ahli dunia ini, jiwa mereka merasa ragu-ragu dan keliru, lalu meluahkan soalan ini. Di sini saya menjawab bahawa :

Prinsip hidup saya secara umumnya adalah tidak menerima sesuatu pun daripada orang lain, kerana semenjak saya kecil lagi, saya tidak menerima sesuatu pun daripada orang lain, walaupun zakat harta mereka. Tambahan pula, saya menolak jawatan kerajaan melainkan perlantikan kerajaan bagi saya selama dua tahun ketika saya berada di Darul Hikmatil Islamiyyah dan itu pun selepas sahabat-sahabat saya menyuruh dengan bersungguh-sungguh agar saya berbuat demikian, maka saya pun terpaksa menerima. Sebenarnya penolakan saya menerima pemberian orang lain adalah demi mempertahankan kemudaratn kehidupan sebenar ini ...Semuanya itu menggambarkan prinsip hidup saya. Orang ramai dalam masyarakat asal saya dan semua yang mengenali saya di negeri-negeri lain tahu benar kedudukan saya ini. Ramai juga rakan-rakan cuba dengan pelbagai usaha agar saya menerima hadiah-hadiah mereka semenjak lima tahun pembuangan saya, tetapi saya menolaknya.

\*Sekiranya ditanya : Kalau begitu bagaimana awak menjalani kehidupan ?

Saya menjawab : Saya hidup dengan keberkatan dan kemuliaan Ilahi. Meskipun pada diri saya terdapat nafsu ammarah yang selayaknya mendapat segala penghinaan dan kebencian, tetapi dari segi punca rezeki, saya bernasib baik memperolehi keberkatan, suatu kemuliaan Ilahi dengan dikurniakan sejenis keramat melalui perkhidmatan al-Quran.

Di sini saya akan kemukakan beberapa contoh, sebagai menegakkan rasa syukur secara batini terhadap nikmat-nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada saya, sambil merealisasikan ayat yang mulia (وأما بنعمة ربك فحدث) yang bermaksud, "Dan nikmat Tuhanmu itu hendaklah kamu nyatakan" (al-Dhuha : 11). Meskipun demikian saya khawatiri kesyukuran maknawi ini akan diresapi oleh sesuatu yang berbentuk

---

<sup>7</sup>Empat puluh *nyarah* bersamaan dengan satu *qursh* dan sepuluh *qursh* bersamaan satu *lerah* Turki - Penterjemah asal.

riya' dan sifat bangga diri, lalu keberkatan ketuhanan yang baik itu terhapus kerana menzahirkan keberkatan yang tersembunyi dengan rasa bangga boleh menyebabkan ianya terputus. Namun demikian apalah upaya saya kerana saya sangat terpaksa menyebutnya.

Pertamanya : Dalam enam bulan sebelum ini, saya boleh memadai dengan tiga puluh enam keping roti yang telah diuli dari satu *kilah*<sup>8</sup> gandum, dan sekarang ini roti itu masih lagi ada. Saya tidak tahu bilakah ia akan habis.<sup>9</sup>

Kedua : Sepanjang bulan Ramadan yang berkat ini, makanan yang diberikan kepada saya hanyalah dari dua buah rumah sahaja, tetapi kedua-duanya telah menjadikan saya sakit. Dengan ini, fahamlah saya bahawa saya ditegah mengambil makanan daripada orang lain. Sebaliknya mencukupi bagi saya satu *uqiyyah*<sup>10</sup> beras dan tiga keping roti bagi hari-hari Ramadan yang berikutnya. Sahabat karib yang bernama Abdullah Jawish (Cavus),<sup>11</sup> tuan punya rumah yang menyediakan makan kepada saya menjadi saksi dalam masalah ini dan beliau juga yang memberitahu mengenainya, malahan beras itu masih kekal untuk selama lima belas hari selepas bulan Ramadan.

Ketiga : Saya dan tetamu saya yang mulia boleh bertahan dengan satu *uqiyyah* keju, meskipun diambil pada setiap hari untuk dimakan dengan roti sepanjang tiga bulan berada di bukit. Tetamu saya itu, Sulaiman namanya menyangka roti kami telah habis. Ianya berlaku pada hari Rabu, lalu saya katakan kepadanya, pergilah kamu ke kampung untuk mencari roti kerana tidak ada di antara kami seseorang pun yang jarak perjalanannya dua jam yang boleh kami beli daripadanya. Maka beliau berkata : "Saya lebih suka tidur bersama awak pada malam jumaat yang mulia di puncak bukit ini untuk saya menyerahkan diri kepada Allah bersama awak". Saya pun berkata : "Kita bertawakal kepada Allah sahajalah, jadi kekallah bersama saya".

Kemudian kami memulakan semua perjalanan bersama hinggalah kami mendaki puncak bukit, meskipun ianya tidak ada upaya dan kemungkinan untuk itu. Dan kami hanya mempunyai sedikit air serta sedikit teh dan gula. Saya berkata : Sahabatku ! buatlah sedikit teh. Beliau pun mula membuatnya. Saya duduk di bawah pokok cedar (gala-gala) sambil memerhatikan pemandangan lembah yang dalam, saya berfikir dengan rasa dukacita dan sedih kerana kami hanya mempunyai cebisan roti yang sudah berbau yang barangkali mencukupi untuk petang ini sahaja bagi kami berdua, tetapi bagaimana dengan dua hari yang berikutnya. Apa yang nak saya katakan kepada lelaki yang baik dan mulia ini !.

Dalam pada saya mengelamun itu, kepala saya seolah-olah memerhati kepada pokok, lalu saya menoleh dan tiba-tiba terlihat ketulan roti yang besar berada di atas pokok cedar itu sedang memerhati ke arah kami di celah-celah dahannya. Saya berkata : Bergembiralah wahai Sulaiman kerana Allah telah mengurniakan rezeki kepada kita, lantas saya mengambil roti dari pokok itu dan memeriksa kesan haiwan dan burung padanya. Kami dapati ianya elok tanpa sebarang usikan mana-mana binatang. Tambahan pula bukit ini telah tidak didaki oleh sesiapa pun semenjak tiga puluh hari lalu. Roti itu mencukupi kepada kami selama dua hari. Setelah roti itu hampir habis, maka Sulaiman<sup>12</sup> yang merupakan sahabat yang sangat karib kepada saya sepanjang empat tahun mendaki bukit membawa roti kepada saya.

Keempat: Jeket guni ini saya belinya tujuh tahun lalu sebagai barang terpakai. Saya memadai dengan empat setengah Lira untuk perbelanjaan sepanjang lima tahun yang lepas untuk pakaian, kasut dan stokin. Ianya mencukupi bagai saya dengan limpahan keberkatan, jimat cermat dan rahmat Ilahi.

Terdapat banyak contoh yang seumpamanya kerana keberkatan Ilahi mempunyai pelbagai sudut. Ahli kampung ini semuanya sangat tahu keberkatan seumpama itu. Namun demikian, janganlah sekali-kali kamu menyangka saya sebutkan contoh-contoh ini untuk membanggakan diri, tetapi saya sangat terpaksa menyebutnya. Jangalah terpahat di minda kamu bahawa contoh-contoh itu menunjukkan kesempurnaan

---

<sup>8</sup>Kilah : satu sukatan lama bagi timbangan dan bentuk. Ia menyamai 40 liter biji-bijian - Penterjemah asal.

<sup>9</sup>Ianya telah berkekalan selama setahun genap - Penterjemah asal.

<sup>10</sup>Ianya juga satu sukatan lama yang menyamai 2182 gram - Penterjemah asal.

<sup>11</sup>Beliau ialah orang yang pertama menjadi utusan kepada Rasail Al-Nur. Beliau membawa semua manuskript daripada Ustaz al-Nursi di celah bukit bukau dan lembah pada tengah malam yang sunyi daripada mata-mata gelap, untuk dibawanya kepada al-Hafiz Ali untuk menjelaskannya dan kemudiannya mengembalikan manuskript yang telah diperjelaskan kepada Ustaz Ali dengan cara yang sama. Beliau wafat pada tahun 1960 ketika berumur 65 tahun. -Penterjemah asal.

<sup>12</sup>Beliau ialah Sulaiman Kruanji, seorang pengikut terulung dalam khidmat keimanan. Beliau adalah menjadi contoh dari segi sifat benar, menunaikan janji dan ikhlas. Beliau wafat tahun 1965. - Penterjemah asal.



saya, sebaliknya semua keberkatan ini adalah ihsan Ilahi kepada sahabat-sahabat yang menjadi tetamu secara ikhlas kepada saya, ataupun ianya kemuliaan Ilahi kerana perkhidmatan al-Quran al-Karim, atau ianya manfaat yang berkat kerana sentiasa komitmen dengan jimat cermat, atau ianya rezeki kepada empat ekor kucing yang menemani saya di sini, yang sentiasa menyebut semasa teriakkan : Ya Rahim ! Ya Rahim ! Ya Rahim ... maka ianya rezeki mereka datang dalam bentuk keberkatan dan saya memainkan peranan untuk mendapatkan faedah daripadanya.

Benar ! Jika anda perhatikan kepada teriakannya yang pilu, anda akan dapati benar-benar ianya menyebut : Ya Rahim ! Ya Rahim ! Ya Rahim. Sama dengan sebutan kucing, terlintas di fikiran kita sebutan ayam. Sebenarnya saya mempunyai seekor ayam yang mendatangkan kepada saya daripada khazanah rahmat Ilahi sebiji telur setiap hari pada musim sejuk ini dengan hanya terbantut sedikit sahaja. Pada suatu hari ia bertelur dua biji serentak, saya pun hairan dengannya, lalu bertanya kepada rakan-rakan : Adakah ia memang berlaku sedemikian pada musim sejuk ? Mereka mengatakan : Boleh jadi ianya ihsan Ilahi.

Ayam ini pada musim panas ia menetas. Ia mula menetas dengan bertelur pada permulaan bulan Ramadan al-mubarak dan berterusan hinggalah selama empat puluh hari. Dengan ini, saya dan rakan-rakan yang berkhidmat dengan saya tidak syak lagi bahawa pengeluaran telur pada musim sejuk dan sedikit penetasan pada bulan Ramadan adalah tidak lain ianya pemuliaan Ilahi. Kemudian penetasan bermula dengan pengeluaran telur itu ibunya pun mati. Beliau tidak pernah meninggalkan saya tanpa telur. Al-hamdulillah.

Soalan Kedua : Ahli dunia mengatakan : Bagaimana kami hendak yakin dan berpuashati bahawa awak tidak mencampuri urusan keduniaan (politik) kami ? Boleh jadi jika kami biarkan awak begitu sahaja nescaya awak akan mencampurinya ? Kemudian bagaimana kami hendak mengetahui awak tidak membohongi dan memperdaya kami kerana awak hanya menzahirkan bahawa awak seolah-olah meninggalkan keduniaan dengan tidak mengambil harta orang ramai secara nyata, berkemungkinan awak mengambilnya secara senyap-senyap, jadi bagaimana kami hendak mengetahui bahawa semuanya itu bukan tipu daya ?

Jawapan :

Sebenarnya keadaan saya semasa dua puluh tahun dahulu semasa di Mahkamah Tentera dan dalam tempoh sebelum peristiharan perlembagaan dan semasa perjuangan yang diterbitkan dalam kitab (Sijil Sekolah Saya Yang Malang) sudah sememangnya diketahui oleh mereka yang mengenali saya ... Semuanya itu menggambarkan kedudukan dengan nyata bahawa saya telah menjalani kehidupan dengan tidak menerima sedikitpun cara tipu daya maupun muslihat yang paling mudah. Sekiranya saya berbuat demikian, nescaya anda akan mendapati saya sentiasa merujuk dan pergi bertemu anda dengan kepuraan dan pujuk rayu sepanjang tempoh lima tahun ini. Ini kerana orang yang suka memutar belit sentiasa berusaha agar dirinya dikasihi oleh manusia, malahan berberusaha menipu mereka. Sebaliknya mereka tidak akan menjauh dan menyisihkan diri. Sedangkan saya tidak pernah tunduk kepada orang lain meskipun banyak kencanaan dan komen yang diajukan kepada saya, sebaliknya saya menyisihkan diri daripada masyarakat ramai dengan bertawakal hanya kepada Penjaga Alam Yang Maha Kuasa. Tambahan pula orang yang mengetahui hakikat keakhiratan, di samping dapat membongkar hakikat keduniaan tidak akan menyesal selama-lamanya, sekiranya beliau mempunyai akal fikiran. Dia tidak akan berdalih untuk kembali kepada dunia untuk kali kedua. Tambahan pula sekiranya orang itu hanyalah seorang diri, tidak ada hubungan dengan seseorang pun, nescaya dia tidak akan mengorbankan kehidupannya yang kekal abadi demi untuk kekalotan dan haru biru keduniaan setelah menghabiskan umurnya selama lima puluh tahun. Sebaliknya jika beliau mengorbankannya juga, ia tidak lagi menjadi strategi (muslihat), tetapi sesuatu yang gila dan apakah yang akan dilakukan oleh orang gila agar beliau dihentam ?

Mengenai keraguan yang menyatakan bahawa saya menuntut keduniaan secara senyap dan menolaknya secara nyata. Saya akan menjawab dengan kandungan ayat al-Quran : (وما ابرئ نفسي ان النفس لامارة بالسوء) yang bermaksud, “Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana seseungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan” (Yusuf : 53). Saya tidak akan membebaskan diri ini selama-lamanya kerana ia mengingini segala kefasadan, tetapi ianya hanyalah merugikan kehidupan dan kebahagiaan yang kekal abadi demi untuk kenikmatan yang sedikit dalam dunia yang fana ini, dalam lawatan yang sementara, pada masa tua, dalam umur yang pendek ... ianya bukan tindakan mereka yang berakal dan tidak bersesuaian dengan mereka yang mempunyai perasaan. Oleh sebab itu saya membidik jiwa yang ammarah ini -sama ada mahu atau tidak - kepada mengikut akal fikiran.

Soalan Ketiga : Ahli dunia berkata : Adakah awak mengasihi, merelai dan terpesona kepada kami ?. Sekiranya awak mengasihi kami, jadi mengapakah awak menentang dan tidak bergabung dengan kami. Sekiranya awak tidak terpesona dan merelai kami maka awak menentang kami dan kami juga berhak menentang !

Jawapan : Sekiranya saya mengasih dan mengkagumi dunia kamu, nescaya saya tidak menarik diri dan menentangnya. Sebenarnya saya tidak merasa kagum dengan kamu dan dunia kamu, namun begitupun saya tidak akan memasuki dan mengauli kamu kerana saya menjurus kepada matlamat yang tidak sama dengan kamu. Hati saya penuh dengan perkara-perkara tertentu yang tidak ada ruang kepada perkara selainnya untuk difikirkan. Kamu diarah untuk membuat hukuman berdasarkan zahir keadaan, tidak kepada naluri hati kerana kamu menghendaki pengekalan sistem dan ketuanan hukum sedangkan saya tidak masuk ke dalam kedua-duanya. Dengan ini kamu tidak boleh mengatakan : “Hati itu hendaklah mengasihi kita juga”, sedangkan kamu tidak berkelayakan untuk memperkatakan kasih sayang itu sendiri.

Sebagaimana saya berangan-angan untuk mendatangkan musim bunga di celah-celah musim sejuk ini tetapi tidak dapat melakukannya, maka begitu jugalah saya bercita-cita untuk kebaikan keadaan dunia dan saya sentiasa berdoa untuk itu, moga-moga Allah SWT memperbaiki keadaan ahli dunia, tetapi ianya di luar kekuasaan dan kemampuan saya, maka saya tidak berkuasa. Oleh sebab itu saya tidak menceburinya. Ianya bukanlah tugas saya dan tidak terangkum dalam kekuasaan dan kemampuan saya.

Soalan Keempat : Ahli dunia mengatakan : Kami telah ditimpa bala dan kesusahan, maka kami tidak percaya kepada seseorang pun lagi, jadi bagaimana kami hendak mempercayai awak? Sekiranya diberi peluang agar awak memasuki dalam urusan politik kami mengikut cara yang selayaknya bagi awak, adakah awak ingini ?

Jawapan : Butiran yang telah disebut sebelum ini meskipun sudah memadai untuk meyakinkan dan memberikan ketenangan kepada kamu, tetapi di sini saya ingin menambah :

Dalam jangka waktu saya tidak memasuki dunia kamu, berada menyendiri di daerah saya dengan di kelilingi oleh pelajar-pelajar dan teman-teman, sebenarnya saya hidup dalam tengah-tengah mereka yang merendahkan diri dan menyukai saya. Dengan ini, adakah mungkin orang yang berada di rumah yang terasing akan memasuki dunia kamu, sedangkan beliau seseorang, lemah dan tidak bermaya, hanya menyerah kepada akhirat dengan sedaya yang ada, terputus dari pergaulan dan perhubungan. Beliau hanya mempunyai seserapa orang teman dalam perkara keakhiratan, jauh dari manusia dan manusia dianggapnya terasing baginya, hanya memandang ke arah mereka dengan begitu sahaja ... Insan ini jika memasuki dunia kamu yang merbahaya dan gersang itu mesti beliau telah menjadi gila dengan begitu teruk sekali.

**Noktah Kelima** : Ianya menumpukan lima masalah yang kecil

Pertama : Ahli dunia mengatakan : kenapa tidak dipraktikkan kepada diri anda sendiri prinsip tamadun kami dan peradabannya ? Kenapakah awak tidak hidup dengan gaya hidup kami dan berpakaian dengan fesyen pakaian kami ? Kenapakah awak bertentangan dengan kami ?.

Saya menjawab : Saudara ! Apakah hak kamu untuk mempertanggung-jawabkan saya mempraktikkan peradaban tamadun kamu ? Kamu telah memaksa saya berada di kamupng ini secara zalim sepanjang lima tahun ini. Kamu menegah saya dari perhubungan dan pergaulan dengan orang ramai, seolah-olah kamu telah menggugurkan hak-hak tamadun daripada saya, tambahan pula kamu telah menyisihkan saya - tanpa sebab - daripada semua perkara dengan tidak membenarkan saya menemui ahli negeri saya kecuali seorang dua sahaja, sedangkan kamu telah melepaskan semua orang yang diusir dan membenarkan mereka tinggal bersama ahli keluarga mereka di bandar-bandar dengan memberikan kepada mereka sijil kelongaran berbuat demikian ... Tindakan ini bermakna kamu menganggap saya sebagai individu masyarakat dan rakyat negara ini, jadi bagaimana kamu hendak membebaskan saya untuk mempraktikkan peraturan masyarakat kamu?.

Kamu telah menyempitkan dunia yang luas bagi saya sebaliknya menjadikannya kepada saya sebagai penjara, jadi apakah dibebankan kepada mereka yang berada di dalam penjara perkar-perkara itu ?

Kamu telah menutup pintu dunia bagi saya, lantas saya dengan tanggungjawab saya telah mengetuk pintu akhirat, lalu dibuka rahmat Ilahi, jadi kenapa dituntut daripada orang yang sejajar dengan jalan keakhiratan mempraktikkan adat dan resam ahli dunia yang berserabut ?

Bila masa pula kamu membiarkan saya bebas, mengembalikan saya ke kota dan negeri saya dan memberikan saya hak-hak yang sempurna hinggakan kamu meminta mempraktikkan peradaban kamu !

Masalah Kedua : Ahli dunia mengatakan : Kami mempunyai institusi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengajar hukum hakam agama dan kebenaran Islam, maka berdasarkan kelayakan apakah awak menjalankan penyebaran risalah-risalah keagamaan ? Sebenarnya awak tidak berhak untuk melibatkan diri dalam urusan seperti ini, sedangkan awak dihukum buang negeri.

Jawapan :

Hak dan kebenaran tidak berkaitan dengan sesuatu dan tidak berkisar/terhad kepada tempat dan waktu tertentu. Bagaimanakah iman dan al-Quran terhad dalam suatu badan resmi ? Kamu hanya boleh menghadkan praktikan undang-undang dan tata susila kamu di dalam institusi-institusi kamu, tetapi hakikat keimanan dan asas al-Quran tidak boleh masuk secara rambang dalam transaksi keduniaan dan tidak boleh tertumpu di dalam badan rasmi yang berkonsepkan kerja untuk mendapatkan upah. Sebaliknya segala rahsia dan limpahan yang merupakan kurnia Ilahi itu tidak akan terhasil kecuali dengan perantaraan niat yang tulus, menyendiri daripada keduniaan dan jauh daripada habuan diri.

Tambahan pula pegawai rasmi kerajaan telah menerima dan melantik saya sebagai pembimbing semasa saya berada di negeri saya dan saya telah menjalankan tugas itu tetapi saya tidak mengambil gajinya, sambil itu saya menyimpan sijilnya. Berdasarkan sijil itu, saya boleh menjalankan tugas sebagai pembimbing dan imam ke merata tempat kerana pembuangan saya ternyata zalim. Tambahan pula mereka yang dibuang negeri itu telah kembali kepada sanak keluarga mereka semula, dengan ini sijil saya juga sedemikian.

Keduanya, hakikat keimanan yang saya tulis itu sebenarnya saya tujukan kepada diri saya sendiri secara terus, saya tidak menyeru semua orang ramai menerimanya, sebaliknya mereka mempunyai rohani yang mencari-cari dan hati yang terguris akan mencari penawar al-Quran itu, lalu menemuinya. Pengecualian kepada keadaan itu ialah permintaan saya kepada salah seorang yang mulia agar mencetak risalah saya yang berkisar tentang hari kebangkitan. Itu pun sebelum skript baru diperkenalkan. Ianya adalah untuk saya memperolehi kekuatan dan menjamin keberterusan kehidupan. Namun demikian, pemerintah yang sebelumnya zalim terhadap saya telah meneliti risalah tersebut dan apabila didapati tidak ada sesuatupun yang bertentangan dengannya maka beliau tidak menghalangnya.

Masalah Ketiga : Sebahagian daripada sahabat saya membebaskan diri daripada saya secara nyata, malahan membantah terhadap saya supaya diri mereka mengasihi ahli dunia yang berpangkat. Sebaliknya ahli dunia yang merupakan perosak telah menganggap lepas tangan dan kejauhan mereka itu dengan anggapan riya' dan tidak berperasaan bukanya dengan anggapan kasih sayang dan ikhlas kepada mereka. Oleh sebab itu mereka memerhati mereka dengan perhatian yang meragukan.

Saya sebaliknya berkata, Wahai teman-temanku di akhirat ! Janganlah kamu lari daripada perkhidmatan saya kepada al-Quran yang agung kerana tidak akan menimpa kamu sesuatu kemudaratan daripada saya dengan izin Allah, walaupun berlaku kezaliman dan musibah kepada saya, kerana kamu tidak mungkin berjaya daripadanya dengan melepaskan diri daripada saya, sebaliknya kamu akan mendapat lebih besar musibah daripada itu dan akan diselubungi dengan tamparan pengajaran. .. kemudian apa akan berlaku hinggakan kamu patut merasa ragu-ragu?.

Masalah Keempat : Dalam hari-hari pembuangan saya ini ... saya lihat beberapa kumpulan manusia gugur dalam lumpur politik dan mereka diuji dengan perasaan ujub terhadap diri sendiri. Mereka memandang saya dengan pandangan yang beracunkan persaingan dan mering ke arah tertentu, seolah-olah saya ini seperti mereka yang mempunyai perhubungan dengan arus keduniaan.

Wahai tuan ! Ketahuilah bahawa saya ini berada dalam saf keimanan dan dalam alirannya yang satu. Berhadapan dengan saya hanyalah aliran komunisme. Saya tidak ada hubungan langsung dengan aliran-aliran lain.

Mereka yang mengambil jalan untuk bersaing dan bertentangan dengan saya, lalu meyinggung dan menyebabkan kesakitan saya, sekiranya daripada mereka itu bekerja untuk mendapatkan gaji berkemungkinan mandapati sedikit keuzuran dalam tindakannya, tetapi mereka yang bekerja tanpa

berasaskan gaji sebaliknya melakukan tindakan seperti ini dengan nama dengki dan semangat permusuhan, maka ketahuilah beliau telah melakukan kesalahan yang benar-benar salah kerana -seperti yang kami nyatakan sebelumnya - saya tidak mempunyai hubungan langsung dengan politik yang berlaku di dunia. Sebenarnya saya telah bernazar hidup dan fokuskan waktu saya semuanya untuk menyebarkan hakikat keimanan dan al-Quran. Oleh sebab itu orang yang bertentangan dengan saya dan mengambil langkah bersaing hendaklah berfikir dengan baik-baik bahawa beliau berada dalam hukum mereka yang menentang keimanan sehaluan dengan komunis.

Masalah Kelima : Memandangkan dunia ini bersifat fana. Umur pula pendek dan kewajipan banyak. Tambahan pula kehidupan yang kekal abadi diperolehi bertolak dari sini, di dunia. Ianya bukanlah tanpa peminibing. Tetamu ini mempunyai tuhan yang mulia lagi bijaksana yang tidak megalpakan balasan baik dan juga buruk. Tuhan yang tidak membebaskan seseorang pun melainkan setakat terdaya olehnya. Tambahan pula jalan yang lurus yang kepedihannya tidak sama dan tidak akan melepasi pintu kubur dengan meninggalkan dunia dan kemegahannya.

Maka tidak dapat tidak seseorang insan yang paling bahagia ialah mereka yang tidak melupakan akhirat kerana dunia ... yang tidak mempertaruhkan akhiratnya untuk dunia semata-mata ...tidak merosakkan kehidupannya yang kekal abadi demi untuk kehidupan dunia ... tidak menghabiskan umurnya dengan perkara yang tidak penting ... beliau akan mematuhi segala perintah sebagaimana patuhnya tetamu kepada pemilik undangan agar membuka pintu kubur dengan aman dan memasuki rumah kebahagiaan dengan selamat.<sup>13</sup>

#### TAMBAHAN KEPADA WARTA KE ENAM BELAS

Dengan nama Allah yang Maha Suci,

{وإن من شيء إلا يسبح بحمده}

“Dan tiada sesuatu benda pun melainkan bertasbih memujiNya”

Pencinta dunia yang tamak dengan kebendaannya yang palsu itu telah menyangka buruk dengan keadaan sia-sia mereka mengatakan bahawa seorang lelaki yang lemah dan terasing di dunia ini seperti saya mempunyai kekuatan setanding dengan beribu-ribu lelaki. Sangkaan ini telah mendorong mereka meletakkan saya di bawah satu ikatan yang ketat dan rapi, maka mereka tidak membenarkan saya menetap semalam dua di (Badrah), sebuah kampung yang terletak di kawasan (Barla), hingganakan untuk duduk di atas sebuah bukit yang berhampiran dengannya pun tidak boleh. Mungkin kamu pernah mendengar mereka mengatakan ; “Said itu mempunyai kekuatan sama dengan kekuatan lima puluh ribu lelaki, maka dengan ini kami tidak boleh untuk melepaskannya begitu sahaja”!.!

Justeru itu saya berkata : Wahai pengejar dunia yang pasti binasa ! Sebagaimana kamu tahu berdasarkan kekuatan dan kemampuan kamu tentang dunia maka kenapakah kamu tidak tahu dengan kedudukan dan keadaannya juga hingganakan kamu membuat penilaian seperti orang gila. Sekiranya kamu takut kepada insan yang akan binasa seperti saya ini, maka ianya katakutan yang palsu, tidak mendatangkan apa-apa secara mutlaknyanya, kerana mungkin saja mana-mana individu - tidak semestinya lima puluh ribu - melemahkan usaha saya ini sebanyak lima puluh kali. Boleh sahaja sekurang-kurangnya beliau berdiri di hadapan pintu rumah saya sambil mengatakan : “Jangan kamu keluar !” ... maka selesailah masalah. Sebaliknya jika yang kamu takuti itu adalah kerajaku yang berupa dakwah kepada al-Quran dan kekuatan keimanan yang muncul daripadanya maka, berjaga-jagalah dan hendaklah kamu benar-benar tahu bahawa saya bukanlah saya hanya dengan kekuatan lima puluh ribu lelaki ... tidak sekali-kali ...maka sebenarnya kamu tersilap. Saya dengan kelebihan keimanan dan kerjaku ini adalah menyamai kekuatan lima puluh juta individu !. Sebenarnya, dengan kekuatan al-Quran al-Karim saya mencabar Eropah keseluruhannya kerana ianya disebabkan kekufurankamu. Saya telah meroboh benting mereka yang utuh yang mereka namakan dengan “ilmu semulajadi atau ilmu moden”. Itu dilakukan dengan saya menyebarkan kelebihan hakikat keimanan dan bukti-bukti al-Quran yang saya jatuhkan sebahagian besar falsafah mereka ke peringkat yang lebih rendah seratus kali ganda dengan martabar binatang !Sekiranya negara-negara eropah bersatu kesemuanya melalui kemulhidan kamu, nescaya ia tidak mampu untuk mengubah salah satu pun masalah dalam

---

<sup>13</sup>Berasaskan sebab-sebab ini saya tidak peduli dengan kezaliman yang menimpa saya secara individu dan saya tidak mengambil kira dengan tekanan-tekanan yang meyelubuni saya dan saya berkata : Semua perkara itu tidak perlu diberi perhatian maka saya tidak memasuki dalam urusan keduniaan - Pengarang.

perkhidmatanku ini dan mereka tidak mungkin berkuasa mengalahkan saya dengan izin Allah serta taufiqNya.

Kesimpulannya : Sebagaimana saya tidak mengganggu urusan keduniaan kamu maka kamu juga tidak berhak mengganggu urusan keakhiratan saya ... janganlah kamu berusaha ke arah itu ... Sebaliknya jika kamu menunggang kenderaan kamu dan berusaha untuk mengganggu, maka hendaklah kamu mengetahui dengan yakin bahawa kamu tidak akan memetik sesuatu hasil pun di sebaliknya. Dengan ini, usaha kamu itu hanyalah sia-sia. Ini kerana kekuatan tangan tidak akan boleh menolak takdir Allah SWT. Obor yang dihidupkan oleh pencipta tidak boleh dimatikan oleh tiupan mulut-mulut.

Kesangsian dan auham ahli dunia berlegar terhadap saya dengan bentuk yang khusus. Seolah-olah mereka merasa bimbang terhadap saya secara senyap-senyap kerana mereka menganggap ada sesuatu pada saya sedangkan saya tidak milikinya. Sebaliknya jika ada, maka ianya tidaklah menjadi medan kesangsian politik dan tomahannya seperti ulamak besar, pemerintahan, kedudukan, keturunan, kuasa dalam masyarakat, pengikut yang banyak, pertemuan dengan para penduduk dan bertanggung harap dengan urusan keduniaan, bahkan jika mereka anggap adanya kemasukan dalam urusan politik hinggan ada pertentangan dengan kerajaan ... dan perkara-perkara seumpamanya yang tidak ada pada saya, maka mereka bergelumbang dengan perasaan syak dan sangsi akibat daripada khayalan mereka sahaja. Akhirnya mereka mengharamkan terhadap saya semua perkara ketika mereka membincangkan masalah pengampunan kepada mereka yang berada di dalam penjara atau yang dibuang negeri, yakni saya tidak termasuk daripada mereka yang boleh diampunkan.

Ada ungkapan yang sangat indah yang telah diukirkan oleh seorang lelaki yang jahat tetapi seorang seni :

Andainya kezaliman mempunyai meriam, senapang dan kubu, maka bagi mereka yang berhak ada lengan yang tidak belot dan muka yang tidak berpusing ke belakang.\*

Kalau begitu saya pula akan mengatakan :

Andainya ahli dunia mempunyai hukum, kekuasaan dan kekuatan ... maka khadamnya dengan limpahan al-Quran mempunyai ilmu yang tidak kesangsian, ungkapan kata yang tidak pernah diam, hati yang tidak mudah tunduk dan cahaya yang tidak akan padam.

Saya telah ditanya oleh kepten (al-aamir al-askari) askar yang bertugas menyelia dan menjaga saya dan ditanya juga oleh ramai teman-teman soalan ini berkali-kali : Kenapakah awak tidak kembali semua kepada pihak yang pemeritah rasmi ? dan kenapa awak tidak ajukan permintaan untuk mendapatkan sijil atau jaminan kelonggaran.

Jawapannya : Terdapat beberapa sebab yang menghalang di antara saya dengan rujukan semula kepada mereka hinggan menjadikan saya tidak mampu untuk merujuk balik.

Sebab pertama : Sebenarnya saya tidak mencampuri dalam urusan ahli dunia dan tidak dalam dunia mereka agar saya tidak dihukumi oleh mereka. Oleh itu saya tidak merujuk kepada mereka, sebaliknya saya merujuk kepada ketentuan Ilahi kerana Dia yang menghukum saya di atas kekurangan saya terhadapnya.

Sebab kedua : Saya benar-benar yakin bahawa dunia ini hanyalah tumpah, boleh berubah dengan cepat dan bertukar untuk selama-lamanya, maka ia bukanlah rumah dan negeri yang kekal secara hakikatnya. Oleh kerana itu, segenap pelusuknya adalah sama. Memandangkan saya masih lagi di negeri saya dan ianya tidak kekal bagi saya, maka usaha untuk merujuk kepadanya adalah sia-sia, tidak ada faedah disebaliknya, dan tidak membawa erti sedikitpun berlumba-lumba ke arahnya. Selagi segenap pelosok dunia adalah rumah tumpangan, maka setiap insan adalah saudara, setiap tempat ada kemanfaatan dan berguna sekiranya kerahmatan tuan punya rumah hampir kepada awak, tetapi jika sebaliknya maka semua insan adalah musuh dan setiap tempat adalah satu bebanan dan kesempitan bersangatan.

Sebab ketiga : Merujuk itu sebenarnya hendaklah dalam lingkungan perundangan, sedangkan muamalah yang dilakukan sepanjang emam tahun ini satu muamalah yang tidak ketentuan dan tidak bersifat perundangan, kerana mereka mengauli saya dengan muamalah perundangan yang sejajar dengan undang-undang orang yang diusir, bahkan mereka melihat kepada saya sebagai seorang yang tergugur hak-hak

sivil, begitu juga dengan hak-hak keduniaan. Oleh sebab itu tidak ada makna merujuk kepada undang-undang bagi orang yang digauli dengan muamalah tidak bercirikan perundangan.

Sebab keempat : Pada tahun ini, seseorang telah merujuk bagi pihak saya kepada mudir kawasan (Barla) ini untuk mendapat kebenaran bagi saya pergi ke kampung (Badrah) yang sangat dekat dengannya - hinggakan boleh dianggap sebagai salah satu kampungnya - untuk menghabiskan beberapa hari bersiar-siar di sana, tetapi beliau tidak mengizinkan saya. Jadi, bagaimanakah hendak dirujuk kepada mereka yang akan menolak hajat ringan yang diinginkan seumpama ini ? Dengan ini merujuk kepada mereka hanyalah satu penghinaan dan tidak sebagai suatu yang membanggakan.

Sebab kelima : Meminta sesuatu hak daripada seseorang yang mendakwa hak adalah satu kekejaman, dan merujuk mereka juga zalim selain merendah dan kurang penghormatan kepada hak itu. Dengan ini saya tidak ingin melakukan kezaliman ini dan penghinaan ini bukanlah satu patut dalam masalah hak. Sekian.

Sebab keenam : Ancaman ahli dunia kepada saya bukanlah tercetus disebabkan campur tangan saya dalam politik kerana mereka benar-benar tahu saya tidak memasuki urusan politik, sebaliknya saya menjauhinya. Dengan ini mereka menyiksa saya disebabkan perhubungan saya dengan agama dan saya berpegang dengan prinsip-prinsipnya. Dengan kata lain mereka menyiksa saya - sama ada secara sedar atau tidak - berasaskan kepatuhan mereka kepada kekufuran. Oleh sebab itu, merujuk kepada mereka bermaksud menyatakan penyesalan beragama dan melembutkan diri kepada hajat orang kafir. Tambahan pula sekiranya saya memihak dan merujuk mereka maka ketentuan Ilahi akan menyiksa saya melalui tangantangan mereka yang bergelumbang dosa juga. Ini kerana mereka mengancam saya kerana saya berpegang kepada agama sedangkan ketentuan Ilahi menyiksa saya disebabkan kekurangan dan kecuaiannya dalam masalah ketakwaan dan keikhlasan dan kadang kala disebabkan kecenderungan saya kepada ahli dunia. Dengan ini saya tidak terlepas daripada penyiksaan pada hari kemudian kerana sekiranya saya merujuk kepada ahli dunia nescaya qadar Ilahi akan berkata : Wahai orang yang berpura-pura ! rasailah balasan terhadap rujukan kamu ini. Sebaliknya jika saya tidak merujuk kepada ahli dunia, mereka akan berkata : Kamu tidak mengakui kami maka mestilah ada penyiksaan.

Sebab ketujuh : Sebagaimana diketahui umum bahawa tugas mana-mana pegawai ialah tidak mengizinkan kepada mana orang yang menimbulkan kemudaratan terhadap masyarakat dan membantu orang boleh memberikan manfaat kepada mereka. Ketika saya menerangkan maksud mendalam yang halus pada kalimah ” لا إله إلا الله “ kepada golongan tua yang hampir menuju ke pintu kubur, saya telah didatangi oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab mengawasi saya seolah-olah beliau ingin menangkap saya dan saya merasa berkemungkinan telah melakukan jenayah yang besar. Memandangkan beliau jarang datang kepada saya tetapi beliau datang pada waktu itu seolah-olah saya telah melakukan satu jenayah, lalu beliau melarung menyuarakan subjek sedemikian dengan ikhlas dan melegakan kemarahan saya. Telah diketahui sebelumnya beliau tidak pernah melihat kepada individu-individu dalam kampung sebaliknya beliau mula memujuk (berdalih dan menganggap mereka yang sering bertengkar dan meyebar racun dalam masyarakat. (Semak balik)

Suatu perkara yang pasti juga jika seorang penjenayah telah melakukan seratu jenayah, beliau mampu untuk berjumpa dengan mereka yang bertanggungjawab terhadapnya dalam penjara sama ada daripada tentera biasa atau kepten atau orang-orang lain. Sedangkan orang yang bertugas mengawasi saya dan dua orang daripada mereka yang berhubungan dengan kerajaan mereka tidak bertanyakan tentang kedudukan saya dan tidak bertemu muka dengan saya langsung untuk tempoh setahun lamanya, meskipun mereka melalui beberapa kali di hadapan bilik saya. Saya rasa mereka ini tidak hak mendekati saya kerana permusuhan, tetapi yang nyatanya -kemudiannya - bahawa ia sedemikian dicituskan daripada terkaman perasaan syak dan sangsi, maka mereka melarikan diri daripada saya seolah-olah saya akan menelan mereka.

Dengan ini, merujuk kepada kerajaan sama ada pemimpin atau pegawainya seumpama mereka di atas bukanlah suatu langkah yang bijak sebaliknya ia adalah penghinaan yang tidak bermanfaat di sebaliknya.

Sekiranya Said lama masih ada nescaya beliau akan berkata sama seperti kata-kata `Antarah :  
Air kehidupan adalah satu penghinaan seperti neraka jahannam

Dan neraka jahanam jika dengan kemuliaan adalah kebanggaan rumahku

Namun demikian, Said lama telah tidak wujud. Namun Said baru berpendapat bahawa tidak ada faedah sekalipun berbicara dengan ahli dunia. Allah akan membinasakan mereka dengan dunia mereka, maka sekarang ini hukumlah apa yang mereka ingin hukum, tetapi kita akan diadili di mahkamah agong dengan izin Allah.

Inilah yang dikatakan oleh Said baru dan kemudiannya dia diam.

Di antara sebab yang menjadikan saya tidak merujuk ialah :

Sebab kelapan :

Ketentuan Ilahi telah menyiksa saya melalui tangan-tangan kezaliman milik ahli dunia itu disebabkan sesuatu yang tidak patut mereka memperolehi kecenderungan saya kepada mereka, berasaskan kaedah "Kesan kasih sayang yang tidak disyariatkan adalah permusuhan yang zalim." Sbenarnya saya mengutamakan diam dalam keadaan ini kerana saya tahu memang saya berhak menerima azab ini memandangkan saya telah berkhidmat sebagai ketua turus tentera sukarela dalam peperangan dunia yang pertama. Saya juga telah menyertai peperangan dan telah berkorban demi kebaikan pelajar-pelajar dan teman-teman hinggakan mencapai darjat ketua turus tentera, Anur Basha. Kemudiannya saya telah kalah kerana tercedera dan ditawan. Dan Setelah kepulungan saya daripada tawanan saya telah meletakkan diri saya dalam kehancuran melalui penulisan buku saya (Enam Langkah) di mana saya telah mencabar pihak Inggeris yang telah menawan Istanbul. Saya telah membantu teman-teman yang telah mencampakkan saya ke dalam kesangsaraan tawanan tanpa sebab. Ini adalah balasan saya terhadap bantuan saya terhadap mereka, lalu mereka telah menyebabkan saya merasa kesukaran dan keperitan selama tiga bulan yang tidak berbanding dengan kesangsaraan dan keperitan yang saya rasai di Rusia selama tiga tahun.

Miskipun Rusia sebelumnya melihat kepada saya sebagai seorang ketua sukarelawan yang memenggal leher dan zalim yang menyembelih tawanan, tetapi mereka tidak menghalang saya memberikan pelajaran. Saya telah mengajarnya kepada kebanyakan rakan-rakan askar yang ditawan yang mencecah bilangan mereka seramai sembilan puluh orang, hinggakan ketua tentera Rusia mendengar sekali pengajaran saya, lalu beliau menganggap ianya pengajaran politik kerana kejahilannya berbahasa Turki lalu beliau menegah saya sekali sahaja dan kemudiannya beliau mengizinkan selepas daripada itu. Kemudian kami menjadikan satu bilik di yang kami berada di siti sebagai masjid untuk menunaikan solat berjamaah. Saya mengimamkan mereka dan Rusia tidak pernah masuk campur langsung dalam masalah itu. Mereka juga tidak menegah kami daripada bercampur gaul dan berkomunikasi di santara satu dengan yang lain, tidak pula diputuskan surat menyurat di antara kami.

Sedangkan saya lihat orang yang bekerjasama dengan mereka yang merupakan saudara saya seagama dan senegeri mehalang saya untuk mengajar tanpa sebab sedangkan saya berusaha memberi faedah kepada mereka dalam masalah keimanan dan mereka pun tahu bahawa saya telah memutuskan perhubungan dengan dunia dan politik. Malahan mereka menempatkan saya dalam tawanan selpanjang enam tahun - bukannya tiga tahun - bahkan dalam tawanan yang paling ketat kerana mereka menghalang saya bergaul dengan orang ramai, memberikan pengajaran dan lebih dari itu untuk memberi pelajaran khusus dalam bilik yang dikhususkan kepada saya pun tidak boleh, meskipun mengetahui saya mempunyai sijil untuk berbuat demikian. Mereka juga menghalang saya dengan perutusan surat menyurat, malahan menghalang saya untuk menjadi Imam di masjid yang saya bangukan sendiri yang sebelumnya saya menjadi imam solat jemaah selama empat tahun. Dengan ini mereka menghalang saya untuk mendapatkan pahala berjamaah, bahkan menghalang saya menjadi imam kepada jemaah yang terdiri tiga orang sahabat yang sebelumnya saya sentiasa menjadi imam kepada mereka. Lebih daripada itu lagi, jika salah seorang daripada mereka menyebut kebaikan saya maka pegawai yang mengawasi saya akan marah dan mencuba sedaya upaya dengan berbagai cara untuk merendahkan kedudukan saya dan beliau akan menguatkan sekatan supaya beliau memperolehi pujian dan perhatian daripada pegawai atasan yang memerintahnya.

Katakan dan hukumlah ke atas saya mengikut kehendak diri awak wahai saudara yang bertanya : Sesiapa yang berada dalam situasi sebegini, adakah beliau akan merujuk kepada selain Allah Subhanahu wa Taala ? Kepada siapa yang hendak diajukan kritikan dan cadangan jika yang menjadi hakim itu adalah juga pihak pendakwa? Kemudian katakanlah apa yang kamu nak kata terhadap semua keadaan yang meyelubungi kami ini.

Tetapi saya akan mengatakan : Kebanyakan orang munafiq telah indasu di antara saudara-saudara mereka. Ini memandangkan orang munafiq lebih dahsyat dan jijik daripada orang kafir, maka kerana itulah mereka mengenakan kepada saya siksaan yang saya tidak rasainya daripada orang kafir Rusia.

Wahai orang kejam ! apakah yang saya lakukan terhadap kamu dan apakah yang patut saya buat terhadap kamu ? Sebenarnya saya berusaha untuk meningkatkan keimanan dan menyampaikan kebahagiaan abadi. Nampaknya perkhidmatanku ini tidak menjadi ikhlas selepasnya kerana Allah. Oleh sebab itu timbulnya perbezaan matlamat. Sedangkan kamu demi tujuan itu kamu menyakiti saya dalam setiap peluang yang mendatang. Dengan ini tidak ragu-ragu lagi kita akan diadili di mhkamah agung ... Akhirnya saya mengatakan :

Memadailah dengan Allah sebagai sebaik-baik pelindung, penghulu dan pemberi kemenangan.

Yang kekal hanya Allah yang kekal

Said al-Nursi



## WARTA KE TUJUH BELAS

Tambahan Kepada al-Lam`ah Ke Dua Puluh Lima

Dengan nama Allah yang Maha Suci,

{وإن من شيء إلا يسبح بحمده}

“Dan tiada sesuatu benda pun melainkan bertasbih memujiNya”

Wahai tuan al-Hafiz Khalid saudara budiman di negeri akhirat,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

{Dan nayakanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu mereka yang apabila ditimpa ke atas mereka sesuatu musibah, lalu memreka mengatakan, kami dijadikan untuk Allah dan kepadaNya kami kembali} (al-Baqarah : 155-156)

Saudaraku ! Sememangnya saya amat sedih lantaran kewafatan anak anda, namunhanyalah di tangan Allah hukumannya. Keredhaan dengan qada`Nya dan menyerah kepada kadarNya adalah salah satu syiar Islam. Saya memohon ke hadrat Allah SWT agar memberkati anda dengan kesabaran yang sempurna dan menjadikan al-marhum sebagai satu perbendaharaan dan syufaat kepada kamu di hari kiamat.

Di sini saya akan nyatakan lima noktah yang boleh melahirkan kegembiraan hati dan boleh menitiskan ketenangan yang sebenar kepada kamu dan orang-orang mukmin yang bertakwa yang senasib dengan kamu.

Noktah pertama :

Maksud dan rahsia ayat al-Quran al-Karim (ولدان مخلدون) adalah seperti berikut :

Anak-anak orang mukmin yang telah wafat sebelum baligh akan kekal di dalam syurga sebagai kanak-kanak yang dikasihi sebagaimana yang selayaknya dengan syurga ... dan mereka juga akan menjadi pembangkit kegembiraan yang berkekalan dalam pelukan ibu bapa mereka yang memasuki syurga... Mereka juga akan menjadi tunggak untuk mencapai kelembutan citarasa abadi kepada kedua-dua ibu bapa, iaitu kasih kepada kanak-kanak dan belaian mereka.

Memandangkan setiap yang enak terdapat di dalam syurga, maka tidak benar mereka yang mengatakan : (tidak wujud kasih sayang dan belaian terhadap kanak-kanak di dalam syurga kerana di dalamnya tidak ada penambahan dan pembiakan). Sebaliknya di sana dapat diperolehi kejayaan yang besar mengenai kasih sayang dan belian terhadap kanak-kanak dengan kesucian yang sempurna dan keenakan sempurna sepanjang berjuta-juta tahun tanpa ada diselaputi dengan kesakitan. Semuanya ini dinyatakan oleh ayat al-Quran secara umumnya (ولدان مخلدون), maka ia menjadi pusat utama kebahagiaan orang-orang mukmin dan menyerahkan sebesar-besar kebahagiaan kepada mereka.

Noktah Kedua :

Ada kisah, pada suatu seorang lelaki yang mulia yang berada di dalam penjara telah dikunjungi oleh anaknya yang dikasihi. Beliau merasa sangat sedih dengan masalah kelemahannya untuk menjaga kesenangan anaknya berbanding keperitan kesakitan yang dialaminya.

Seorang pemerintah yang berkasihan belas telah mengutus seseorang untuk menceritakan kepada lelaki tersebut : ( Walaupun kanak-kanak ini adalah anak awak tetapi ianya adalah salah seorang rakyat dan anggota umat saya, jadi saya akan mengambilnya daripada awak untuk dididik di dalam istana besar yang cantik) ... Lelaki itu mula menangis, menyesal dan meraung sambil berkata : ”Tidak. Saya tidak akan memberi dan menyerahkan anak saya kerana beliau adalah pusat kegembiraan hatiku.“

Rakan-rakan lelaki tersebut telah memujuknya di penjara : Wahai sahabat, tidak ada sebab untuk awak bersedih dan berdukacita. Sekiranya awak bersedih hati kerana kanak-kanak itu maka beliau tetap akan pergi ke istana indah dan menawan berbanding kekal di dalam penjara sempit yang berbau busuk dan kotor ini. Sekiranya awak bersedih hati kepada diri awak sendiri dan mencari peluang memanfaatkan diri sendiri, maka kanak-kanak itu akan menghadapi banyak kesusahan sertan kepempitan dan kedukacitaan yang teruk sekiranya beliau kekal di sini demi untuk mendapat kemanfaatan sementara dan meragukan. Sebaliknya

jika beliau pergi ke sana maka beliau akan menjadi perantara kepada seribu-ribu kemanfaatan kepada awak. Ini kerana beliau akan menjadi sebab untuk menarik kerahmatan pemimpin kepada awak. Maka Beliau akan menjadi sam seperti kedudukan pemberi syufah kepada awak. Pemerintah mungkin sahaja pada suatu hari akan berminat untuk membahagiakannya dengan mempertemukan semua dengan awak. Tidak syak lagi beliau tidak akan menghantarnya berjumpa dengan awak di dalam penjara sebaliknya akan mengambil awak kepadanya dan mengeluarkan awak daripada penjara dan menghantar awak ke istana itu untuk merancang perjumpaan dengan kanak-kanak itu selagi awak mematuhi dan mempercayainya.

Berdasarkan contoh ini, wahai saudaraku yang mulia, orang-orang mukmin yang seumpama awak ini patut memikirkannya sekiranya anak-anak mereka wafat lalu mereka berkata : Anak ini bebas dan penciptanya sangat pemurah dan mulia maka berbanding dengan belaskisihan saya yang sedikit untuknya, berbanding dengan didikanku yang pendek untuknya, maka rehmat Ilahi telah menjaga dan mendidiknya. Pertolongan Ilahi juga telah menjaminnya kepada pelukannya yang besar, telah mengeluarkannya daripada penjara keperitan, masalah dan kesakitan keduniaan. Telah menghantarnya kepada bayangan syurga FirdausNya yang besar. Mudah-mudahan kanak-kanak itu beroleh ketenangan. !

Siapa yang mengetahui apakah yang akan dilakukannya, dan bagaimanakah beliau akan bertindak sekiranya dunia ini berkekalan ? Oleh sebab itu saya tidak merasa dukacita kepadanya sebaliknya saya melihatnya dengan bahagia dan beruntung ... Namun kedukacitaan saya kepada diri saya sendiri, saya tidak berdukacita dengan begitu teruk sangat pada sesuatu yang tertumpu kepada kebendaan (anak) khusus milik saya kerana sekiranya ia kekal di dunia nescaya ia akan menjamin kepada saya kasih sayang dan belain terhadap anak-anak yang sementara sekadar sepuluh tahun yang bergelumbang dengan keperitan (dukacita). Berkemungkinan sekiranya beliau seorang yang soleh dan baik atau mempunyai kemampuan dalam urusan keduniaan maka berkemungkinan beliau membantu saya, tetapi dengan kewafatannya maka ia telah menjamin saya kasih sayang anak-anak demi untuk berjuta tahun di dalam syurga yang kekal. Beliau akan menjadi pemberi syufaah kepada saya untuk memasuki kebahagiaan yang berkekalan. Dengan ini tidaklah terlalu berduka cita terhadapnya hinggakan perkiraan mengenai diri saya sedemikian juga kerana orang yang telah hilang kemanfaatan yang secara cepat dan meragukan dan beroleh keuntungan seribu manfaat yang bertangguh dan pasti boleh dicapai maka tidak akan menzahirkan kedukacitaan yang memeritkan dan tidak akan meratap kelemahan untuk selama-lamanya !

Noktah Ketiga :

Sebenarnya kanak-kanak yang meninggal itu ... tidak lain hanyalah makhluk dan hamba kepada pencipta yang pemurah. Setiap tingkahlakunya (perangai) adalah salah satu ciptaan Yang Maha Suci. Beliau juga merupakan teman yang ditiptikan daripadaNya kepada kedua ibu bapa untuk tinggal sekejap di bawah jagaan mereka. Allah SWT telah menjadikan emak dan bapanya sebagai khadam dan orang yang dipercayai kepadaNya. Dia juga telah mengurniakan kepada kedua-duanya perasaan syafaqah yang melazatkan, pahala secara langsung lantaran khidmat yang dicurahkan.

Dan Sekarang, jika pencipta Pemurah yang merupakan pemilik sebenar kepada kanak-kanak - daripada seribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan - jika Dia telah mengambil kanak-kanak itu daripada awak berdasarkan ketentuan kerahmatan dan hikamatNya adalah sebagai penamatan kepada perkhidmatan awak. Maka tidak layak kepada ahli keimanan merasa sedih berputus asa dan menangis melolong seolah-olah mengisyaratkan permasalahan di hadapan pemimpinnya yang berhak, pemilik habuan yang penyanyang bertentang dengan habuan yang berbentuk ilusi. Sebenarnya kedudukan ini adalah kedudukan orang pelupa dan sesat.

Noktah Keempat :

Sekiranya dunia ini kekal untuk selama-lamanya dan sekiranya manusia di atasnya juga kekal, ataupun sekiranya perpisahan juga kekal, oleh sebab itu nescaya kesedihan yang memeritkan dan kedukacita itu juga mempunyai makna tertentu, tetapi memandangkan selagi dunia hanyalah rumah tumpangan, maka kemanapun perginya kanak-kanak yang meninggal itu maka semua kita - kami dan kamu juga- akan berpindah ke sana tidak manas.

Kewafatan ini juga bukanlah tertentu kepada kanak-kanak itu sahaja, bahkan ianya adalah jalan yang akan diikuti oleh semua.

Memandangkan perpisahan itu bukanlah untuk selama-lamanya juga, bahkan akan berkesudahan dengan pertemuan di hari-hari mendatang di alam berzakh dan di dalam syurga. Oleh sebab itu sayugia dikatakan : Penentuan hukuman itu di tangan Allah ... Sememangnya setiap yang diambil dan diberikan adalah kehendak Allah di samping kita menghitung, sabar yang sebaik-baiknya dan bersyukur sembil berkata : Segala puji-pujian hanya bagi Allah di atas setiap keadaan.

Noktah Kelima :

Syufaah yang merupakan penjelmaan kerahmatan Ilahi yang paling lembut, cantik, baik dan paling enak itu... adalah pemecahan nurani dan ia lebih banyak berkesan daripada kasih sayang (usyuk). Ia juga perantara atau alat yang paling cepat untuk mencapai hakikat Tabaraka wa Ta`ala.

Ya, sebagaimana kasih sayang kiasan dan kasih sayang duniawi - dengan kemuskilannya yang begitu banyak - akan bertukar kepada "kasih sayang hakiki". Dengan ini pemiliknya akan mengenali Allah. Begitu juga dengan syufaah - tetapi tanpa dengan sebarang masalah - akan mengabungkan hati dengan Allah SWT agar pemiliknya dapat sampai kepada Allah dengan jalan yang lebih singkat dan sesempurna bentuk.

Bapa atau ibu adalah sama-sama mengasihi anak mereka dengan limpahan dunia sepenuhnya. Maka ketika anak itu diambil salah seorang daripada mereka, maka sekiranya beliau daripada orang yang beriman dan berbahagia akan memalingkan mukanya daripada dunia dan memusingkan belakangnya ke arahnya, lalu akan mendapati pemberi kenikmatan yang hakiki hadir lalu berkata : Selagi dunia ini akan hilang dan binasa maka tidak berhak untuk mengabungkan hati dengannya, maka beliau akan mendapati secara kebutulannya anaknya yang telah berlalu itu mempunyai perhubungan yang rapat dan akan memenangi kedudukan maknawi yang tinggi.

Golongan pelupa dan sesat akan terhalang untuk memperolehi hakikat kebahagiaan dan kegembiraan yang lima ini. Makahendaklah mereka membandingkan kepada setakat mana keadaan-keadaan yang memilukan yang akan datang ketika seorang ibu yang lemah memerhati anaknya yang tunggal yang dikasihi dengan penuh kasih sayang itu bertukar di dalam kesangsaraan. Fikiran si ibu tadi akan terbayang secara langsung kepada keberkekalannya di dalam tanah kubur sebagai ganti kepada hamparannya yang lembut tetakala beliau mengambarkan kematian itu sebagai suatu yang tidak wujud dan perpisahan yang berkekalan kerana sangkaannya keberkekalannya di dunia sebagai natijah kepada kealpaan dan kesesatan. Oleh sebab itu tidak terlintas di fikirannya kerahmatan, syurga dan nikmat Firdaus yang berkekalan milik Tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Penyang ... Kamu dengan ini boleh untuk membanding berdasarkan kedudukan ini kesangsaraan dan kedukacitaan tanpa kilauan harapan yang akan ditempuhi oleh golongan lupa dan sesat.

Sedangkan iman dan Islam adalah wasilah kebahagiaan di kedua-dua dunia akan berkata kepada orang mukmin :

Kanak-kanak ini yang menempuh keperitan kematian akan dihartanya oleh penciptanya yang Pemurah ke syurgaNya yang suci setelah dikeluarkannya daripad dunia yang kotor ini. Ditambah kepada keadaan itu ianya akan dijadikan kepada kamu sebagai pemberi syufaah, sebagaimana belaiu akan dijadikan kepada kamu sebagai anak yang berkekalan ... maka dari itu jangalanlah gundah dan beredih. Perpisahan itu hayalah sementara sebaliknya bersabarlah semabil berkata : Hukuman itu adalah milik Allah.

“Sesungguhnya kita ini hanya untuk Allah dan kepadaNya kita kembali”

“Yang kekal hanyalah Allah Yang Kekal”

Said al-Nursi

## WARTA KELAPAN BELAS

Dengan nama Allah yang Maha Suci,

{وإن من شيء إلا يسبح بحمده}

“Dan tiada sesuatu benda pun melainkan bertasbih memujinya”

(Warta ini mengandungi tiga masalah yang penting)

Masalah Pertama :

Soalan :

Wali-wali yang masyhur seumpama al-Shiykh Mahyu Din Ibn Arabi<sup>14</sup> pengarang kitab “al-Futuh al-Makiyyah” dan al-Shiykh Abdul Karim al-Jailiy<sup>15</sup> pengarang kitab “al-Insan al-Kamil”, mereka membincangkan masalah tujuh lapisan bumi, tanah putih di belakang bukit Qaf dan beberapa perkara ajaib seperti pancaran matahari -sebagaimana yang terdapat dalam al-Futuh. Mereka mengatakan : Kami telah melihatnya !.. Adakah apa yang mereka katan itu benar dan tepat ?. Sekiranya ia sedemikian maka bumi kita tidak seperti yang dikatakan oleh mereka !. Ilmu geografi dan ilmu moden menafikan apa yang mereka kata ! Sekiranya kata-kata mereka itu tidak benar, bagaimanakah mereka boleh menjadi wali-wali yang saleh kerana bagaimanakah mereka yang terdiri dari ahli hak dan hakikat boleh bercakap dengan kata-kata yang bersalahan dengan kenyataan yang boleh dilihat, dirasa dan bertentangan dengan hakikat sebenar.

Jawapan :

---

<sup>14</sup>Mahyu Din Ibn Arabi : 560-634H/1165-1240M. Beliau ialah Muhammad Ibn Aliy Ibn Muhammad Ibn Arabiy, Abu Bakr al-Hatimiy al-Taiy al-Andalusi, dikenali dengan nama Mahyu Din Ibn Arabi, digelar dengan “al-Shiykh al-Akbar, seorang ahli falsafah, dari kalangan imam ulamak mutakalimin dalam segenap bidang ilmu. Dilahirkan di Mursiyah (di Andalus) dan berpindah ke Ashbiliyyah. Beliau telah melakukan pengembaraan merentasi Sham, negeri Rom, Iraq dan Hijaz. Penduduk kampung di Mesir telah mengingkari bahawa “Shathat” dikeluarkan olehnya, maka sebilangan daripada mereka telah menfatwa untuk membunuhnya. Beliau ditahan dan Aliy Ibn Fath al-Bajaiy berusaha untuk membebaskannya dan beliau berjaya. Beliau kemudiannya menetap di Damsyiq sehinggalah beliau wafat di sana. Beliau mempunyai lebih kurang empat ratus buah kitab dan risalah, di antaranya al-Futuh al-Makiyyah dalam ilmu tasawuf dan ilmu psikologi dan ilmu (fusus) hukum. - al-Alam jil. 6, hlm. 281 ; Fawat al-Wafayat, jil. 2, hlm. 241 ; Mizan al-I’tidal, jil. 3, hlm. 108 ; Jami’ Karamat al-Auliya’, jil. 1, hlm. 118 ; Shadhrat al-Dhahab, jil. 5, hlm. 190.

<sup>15</sup>Beliau ialah Abdul Karim Ibn Ibrahim Ibn Abdul Karim al-Jailiy, keturunannya berurutan kepada al-Shiykh al-Ghailaniy. Beliau dilahirkan pada tahun 767H dan wafat pada tahun 832H. Beliau seorang ahli sufi dan faqih. Beliau mempunyai bejumlah karangan, yang paling masyhurnya ialah al-Insan al-Kamil fi ma’rifat al-Awakhir wa al-Awail. Penterjemah asal.